

BAB 2: LEMBAGA DAKWAH ISLAM INDONESIA (LDII)

PROVINSI JAMBI

2.1 Pengenalan

LDII merupakan pertubuhan sosial keagamaan yang melakukan aktiviti dibidang dakwah dan pendidikan Islam di Indonesia. Kewujudan LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan mempunyai persamaan tujuan sebagaimana pertubuhan sosial keagamaan Islam di Indonesia amnya seperti; Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU), Persatuan Islam (PERSIS), Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PERTI), Al-Wasliyah, dan Jami'atul Islamiyah. Kewujudan pertubuhan LDII bersifat nasional berjenjang dari peringkat kebangsaan sampai ke peringkat cawangan. Pertubuhan LDII bermula pada 1 Januari 1972 oleh Drs. Nurhasyim, R. Eddi Masiadi, Drs. Bachroni Hartanto, Soetojo Wirjoadmodjo, BA, dan Wijono, BA yang berkedudukan di Surabaya, Jawa Timur, Indonesia pada waktu itu dikenal dengan Lembaga Karyawan Indonesia (LEMKARI).

Pertubuhan LEMKARI/LDII mempunyai hubungkait dengan sejarah pertubuhan Darul Hadith/Islam Jamaah yang ditubuhkan oleh Kiai Haji Nurhasan Ubaidilah sekitar tahun 1950-an di wilayah Kediri Jawa Timur Indonesia. Darul Hadith/Islam Jamaah dalam perjalanan dianggap telah bercanggah dengan akidah Islam sehingga dilupuskan oleh kerajaan Indonesia melalui enakmen Mahkamah Rayuan. Pelupusan Darul Hadith/Islam Jamaah menyokong bekas-bekas ahli Darul Hadith menubuhkan pertubuhan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI). Penubuhan LEMKARI bertujuan bahagi pengembangan dakwah Islam dan memperbetul bekas keyakinan ahli-ahli Islam Jamaah kepada kefahaman akidah Islam yang tulin.

Lembaga Kayawan Islam Indonesia (LEMKARI) sebagai nama pertubuhan sosial keagamaan mempunyai persamaan akronim dengan sebuah institusi sukan iaitu

Lembaga Karatedo Indonesia (LEMKARI), oleh itu untuk menghindari salah pemahaman, mengikut pelbagai cadangan diubah menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia atau LDII pada tahun 1990. Berdasarkan latar belakang singkat di atas, maka dibawah ini berturut-turut akan dihuraikan sejarah LDII, visi, misi dan tujuan, struktur pentadbiran dan program-program yang dilakukan Lembaga Dakwah Islam Indonesia.

2.2 Sejarah Perkembangan LDII

2.2.1 Tokoh Pengasas LDII

Pertubuhan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) ini bermula daripada pengajian Darul Hadith yang ditubuhkan oleh Kiai Haji Nurhasan Ubaidah.¹ Nurhasan merupakan anak daripada Haji Abdul Azis bin Haji Muhammad Thohir bin Haji Muhammad Irsyad adalah seorang kiai dan sekaligus pemuka masyarakat desa Bangi. Nurhasan dilahirkan di Desa Bangi, pemukiman Purwoasri, Kediri, Provinsi Jawa Timur pada tahun 1908². Nurhasan merupakan anak keempat dari tujuh bersaudara.

Semasa kanak-kanak Kiai Haji Nurhasan telah menunjukkan sifat sebagai anak yang cerdas dan rajin untuk menuntut ilmu. Dikeranakan oleh faktor situasi dan keadaan masa itu Indonesia dalam kekuasaan jajahan Kolonial Belanda beliau menuntut pendidikan formal sehingga darjah dua sahaja. Sehingga Kiai Haji Nurhasan membekali diri ilmu pengetahuan umum dan ilmu agama dipelbagai pondok pesantren di Jawa Timur. Di antara pondok pesantren tempat Nurhasan mendalami ilmu agama dan umum ialah Pondok Pesantren Lirboyo Kediri, Pondok Pesantren Tebu Ireng Jombang, Pondok Pesantren Semelo Nganjuk, Pondok Pesantren Jamsaren Sala, Pondok Pesantren Dresmo Surabaya, dan Pondok Pesantren Sampang Madura. Adapun fokus

¹ Penulisan buku-buku LDII yang ditulis pihak luaran, nama Madkhal sering ditulis dengan ejaan Madekal atau Madigol. Lihat, Habib Setiawan, Robi Nurhadi dan Muhammad Muchson Anasy, (2008), *After New Paradigm Catatan Para Ulama Tentang LDII*, Jakarta: Pusat Studi Islam Madani Institut, h.1.

² LPPI, (1998), *Bahaya Islam Jemaah Lemkari LDII*, Jakarta: Lembaga Penelitian dan Pengkajian Islam, 1998, Cet. Ke 6, h. 6. Dalam pandangan yang lain Nurhasan dilahirkan pada tahun 1915. Lihat, Habib Setiawan, Robi Nurhadi dan Muhammad Muchson Anasy, *op.cit.*, h.1.

kajian beliau pelajari melalui pondok pesantren meliputi; ilmu fikih, tawhid, tasawuf, dan akhlak serta ilmu bela diri.

Setelah Nurhasan mendalami ilmu agama dan pengetahuan di pelbagai pondok pesantren pada tahun 1929, beliau bertolak menuju Mekkah untuk melaksanakan rukun ibadah haji untuk julung kalinya. Empat tahun kemudian tepatnya tahun 1933 Nurhasan bertolak lagi menunaikan rukun ibadah haji dan beliau bermukim di Mekah selama 10 tahun untuk mendalami ilmu agama Islam. Pada tahun 1943 beliau kembali ke Indonesia.

Menurut hasil penyelidikan LPII terdapat dua tempat Nurhasan mendalami ilmu agama iaitu; *Rukbat Naqsyabandiyah* dan *Dār al-Hadith* di kampung Syamiah Mekkah. Menurut Tobroni, *Dār al-Hadith* merupakan tempat perguruan Nurhasan mendalami Qur'ān dan Hadith. Dari madrasah *Dār al-Hadith* inilah Nurhasan bermula tertanam jiwa fanatik yang mendalam terhadap ajaran-ajaran “kebenaran” sesuai dengan petunjuk al-Qur'ān dan Hadith Nabi s.a.w. Sehingga sampai saat Nurhasan Ubaidah kembali ke tanah air, dua sumber utama dalam mengamalkan agama Islam iaitu al-Qur'an dan Hadith.³

Menurut Amin Jamaluddin, Nurhasan tertarik terhadap pengamalan al-Qur'ān dan hadith, kerana beliau merasa memiliki kelemahan dalam memahami dalil-dalil al-Qur'an dan hadith *muttasil*.⁴ Kelemahan yang dimiliki Nurhasan mendorong sungguh-sungguh untuk mendalami ilmu al-Qur'ān dan Hadith secara *manqul musnad muttashil*. Selama menuntut ilmu agama di Mekah, Nurhasan berguru kepada Syeikh Abu Samah

³ Tobroni (1996), Keamiran dan Jemaah Studi Tentang Hubungan Amir-Jemaah dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Keagamaan Warga LDII di Jawa Timur, *Tesis*, Malang: UMM, h.83

⁴ M. Amin Jamaluddin (2007), *Kupas Tuntas Kesesatan dan Kebohongan LDII: Jawaban Atas Buku Directori LDII*, Jakarta: LPPI, h.50

dari Mesir dan Syeikh Abu Umar Hamdan⁵, Syeikh Muhammad Siraj, Sayyid Amin, Syeikh Bakir, Syeikh Malik dan Syeikh Razak.⁶ Dalam mempelajari al-Qur'an Hadith dengan kaedah *musyafahah* (guru membaca murid mendengar atau murid membaca di hadapan guru) dan kaedah *munawalah* (pengesahan ilmu dari guru kepada murid).

Setelah kembali ke Indonesia Kiai Haji Nurhasan bersama Kiai Haji Nur Asnawi, pada tahun 1943 mula melakukan dakwah *amar al-makruf wa nahi al-munkar* untuk mendedahkan Qur'an Hadith kepada keluarga dan masyarakat amnya. Adapun dasar mendakwahkan *amar al-makruf wa nahi al-munkar* khasnya al-Qur'an dan Hadith *muttasil* iaitu berdsarkan firman Allah dan Hadith Nabi s.a.w:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا قُوْا اَنْفُسَكُمْ وَاَهْلِيْكُمْ نَارًا

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka”

Sūrah al-Tahrim, (66): 6

عن مالك بن أنس رحمه الله بَلَّغَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ
أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

Ertinya: “Mālik bin Anas r.a., menyampaikan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda : Aku tinggalkan padamu dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul.”⁷

Nurhasan pada awal dakwah mendedahkan ajaran al-Qur'an dan Hadith *muttasil* mendapat cabaran daripada pelbagai tokoh agama dan hanya sebahagian kecil masyarakat Jawa Timur yang mengikuti daripada paham ajarannya. Konsep *muttasil* ajaran Nurhasan bermaksud mempelajari dan mengerjakan ajaran Islam hendaklah sanadnya bersambung daripada Rasulullah s.a.w. secara turun-temurun, sahabat, *tābi'in*,

⁵ Syeikh Umar Hamdan ini adalah murid dari Sayyid Ahmad Barzanji murid daripada Sayyid Ismail Barzanji dan seterusnya bersambung sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w.

⁶ Tobroni (1996), *op.cit.*, 83

⁷ `Abd al-Malik ibn an-Nās, *Muwatta'*, Juz 5 hadith No. 1323, h.889

tābi' tabi'ān, ulama yang *muktabar* sehingga berterusan kepada seorang guru yang mengajarkan al-Qur'ān dan hadith secara *manqul muṭṭasil*.

Menurut analisis gagalnya dakwah Nurhasan untuk julung kalinya kerana beliau membawa kaedah baru dalam memahami ajaran Islam dan berbeza dengan praktik-praktik biasanya. Seperti sikap fanatisme daripada paham ulama-ulama yang telah mendakwahkan Islam terlebih dahulu. Menurut analisis Amin Jamaluddin dakwah beliau belum sampai tahap *sensitifiti* umat Islam yang masih berpegang teguh kepada keyakinan dan kepercayaan tradisi yang secara turun temurun mereka amalkan dari daripada satu generasi ke satu generasi berikutnya seperti; amalan tahayul, bidaah, khurafat, dan syirik.⁸ Sehingga kaedah baru tersebut menjadi penghalang masyarakat untuk mengikuti faham dakwahnya. Meskipun secara keilmuan metode *manqul muṭṭasil* ini telah digunakan para sahabat Nabi s.a.w dalam menyampaikan ajaran Islam dan sistem periwayatan hadith Nabi s.a.w.

Pelbagai cabaran yang dihadapi Kiai Nurhasan dalam mendakwahkan ajaran al-Qur'an hadith *muṭṭasil* tidak menyurut langkah dan melemah semangat perjuangannya. Hasrat untuk berdakwah Kiai Haji Nurhasan terus menggebu sehingga mencari pelbagai pendekatan dakwah yang meliputi; mengadakan aktiviti seni bela diri pencak silat, *qirā'at sab'ah* dan pengajian bahasa Arab. Pendekatan yang amnya iaitu dengan cara mengubah minda dan pemikiran masyarakat daripada unsur-unsur kepercayaan kepada tahayul, bida'ah, khurafat dan syirik yang telah lama menjadi tradisi mereka. Pendekatan yang dilakukan oleh Kiai Haji Nurhasan dalam menjalankan dakwah pada masyarakat didasarkan dengan firman Allah:

⁸ Amin Jamaluddin, *op.cit.*, h.34

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِلَا تِي هِيَ أَحْسَنُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Ertinya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Sūrah an-Nahl (16): 125

Salah satu bentuk aktiviti untuk mengubah minda dan pemikiran terhadap tradisi kepercayaan umat Islam tersebut, pada tahun 1950 Kiai Haji Nurhasan menubuhkan beberapa pusat pengajian yang melibatkan pelbagai unsur masyarakat meliputi; orang dewasa, pemuda, wanita, dan kanak-kanak. Dengan bahan pengajian bermula dari *Juz Amma* dan hadith Nasā’i tentang *bāb solat*. Pusat pengajian itu ditubuhkan iaitu di wilayah Kediri dan Jombang Jawa Timur iaitu di Desa Burengan Banjaran, Desa Gadingmangu, dan Desa Palem Kertosona⁹ Kemudian pertubuhan pengajian menyebar ke wilayah luaran Kediri dan Jombang yang meliputi daerah Tulung Agung, Surabaya, Sidoarjo, Lamongan, Klaten dan Manado Sulawesi.

Kesan ajaran Kiai Haji Nurhasan antara tahun 1950 sehingga tahun 1960 seperti; Pada tahun 1954 diadakan asrama *khatam* al-Qur’an di Burengan Kediri untuk julung kali dengan peserta 40 orang iaitu 30 orang lelaki dan 10 orang perempuan. Kemudian pada tahun 1956 beliau mengadakan asrama *khatam* al-Qur’an di Surabaya yang diikuti 100 orang. Dan pada akhir tahun 1959 atas jaminan ketua kampung Bei Prawironoto, asrama dilakukan menetap di Gadingmangu Perak Jombang sampai mengkhatakkan hadith sahih Bukhari Juz IV pada tahun 1960. Tahun 1960 menjadi tonggak sejarah bai’atnya peserta asrama Kiai Nurhasan untuk menjadi pemimpin dan imam mereka.¹⁰

⁹ Pengajian periode ini dilakukan dengan berpindah-pindah tempat, oleh kerana belum memiliki tempat pengajian sendiri.

¹⁰ Amin Jamaluddin, *op.cit.*, h. 113

Peserta menyatakan untuk taat dengan dikuatkan masing-masing berjabat tangan sambil mengucap dua kalimah syahadat, salawat dan ucapan bai'ahnya iaitu; “*sami'nā wa aṭa'nā masyaṭa'nā*”. Peserta berbaiat kepada K.H. Nur Hasan atas dasar atsar sahabat Umar Ibnu Khattab iaitu:

أَخْبَرَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ أَخْبَرَنَا بَقِيَّةُ حَدَّثَنِي صَفْوَانُ بْنُ رُسْتُمٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مَيْسَرَةَ عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ
قَالَ تَطَاوَلَ النَّاسُ فِي الْبِنَاءِ فِي زَمَنِ عُمَرَ فَقَالَ عُمَرُ يَا مَعْشَرَ الْعَرَبِ الْأَرْضَ الْأَرْضَ إِنَّهُ لَا إِسْلَامَ إِلَّا
بِجَمَاعَةٍ وَلَا جَمَاعَةَ إِلَّا بِإِمَارَةٍ وَلَا إِمَارَةَ إِلَّا بِطَاعَةٍ فَمَنْ سَوَّدَهُ قَوْمُهُ عَلَى الْفِقْهِ كَانَ حَيَاةً لَهُ وَهُمْ وَمَنْ
سَوَّدَهُ قَوْمُهُ عَلَى غَيْرِ فَقِهِ كَانَ هَلَاكًا لَهُ وَهُمْ¹¹

Ertinya: “Telah mengkhabarkan kepada kami Yazīd bin Hārān telah mengakhabarkan kepada kami Baqiyyah telah menceritakan kepadaku Ṣafwān bin Rustum dari Abdur Rahman bin Maisarah dari Tamīm Al-Dārri, r.a. ia berkata: "Orang-orang berlomba-lomba memperinggi bangunan pada zaman Umar, lalu Umar berkata: 'Wahai masyarakat Arab ingatlah, ingatlah, sesungguhnya tidak ada Islam kecuali dengan berjama'ah, dan tidak ada jama'ah kecuali dengan adanya kepemimpinan, dan tidak ada (gunanya) kepemimpinan kecuali dengan ketaatan. Barangsiapa yang dihormati kaumnya karena ilmu, hal demikian membawa kebaikan untuk kehidupan dirinya dan masyarakatnya, dan barangsiapa yang dihormati oleh kaumnya bukan karena ilmu, maka ia hancur (begitu juga dengan) kaumnya' ”.

Sokongan dan baiat pengikut ajaran K.H. Nur Hasan pada tahun 1970 menjadi awal kewajipan *amar makruf wa nahi* munkar dengan seruan bersatu kepada umat Islam Indonesia untuk menerap al-Qur’ān hadith jamaah, untuk menuju kebahagiaan dunia akhirat". Namun kemajuan konsep imamah Darul Hadith dipandang bercanggah oleh sebahagian ulama K.H. Nurhasan memutar balik makna daripada makna atsar mengenai imamah seperti; “Jika tidak taat kepada amir, maka lepas baiahnya, jika lepas baiahnya, maka tidak punya amir, Jika tidak punya amir maka bukan jemaah. Jika bukan jemaah, maka bukan Islam. Jika bukan Islam, maka kafir”¹² Penafsiran terbalik membawa kepada paham bahawa Jamaah Darul Hadith sahaja yang sah dan benar.

¹¹ Abū Muḥammad `Abd Allah ibn `Abd al-Rahmān ibn al-Fadl ibn Bahram al-Darimi Al-Darimi, (1991), *Sunan al-Dārimī*, Hadith No. 257 Juz. 1, Dimashq : Dār al-Qalam, 1991 h. 284

¹² Hartono Ahmad Djaiz, *op.cit.*, h. 87

Paham keimamahan Darul Hadith ini berujung pada paham bahwa ummat Islam yang tidak tergabung ke dalam Darul Hadith adalah kafir. Bermula daripada konsep takfir ini berkembang pada pelbagai paham yang bercanggah dengan keyakinan umat Muslim amnya di Indonesia. Di antara paham yang bercanggah sebagai berikut:

- a. Tidak mengesahkan pengajian orang yang tidak secara *manqul*
- b. Tidak boleh beriman kepada orang di luar anggota Islam Jemaah
- c. Tidak boleh kahwin dengan orang di luar anggota Islam Jemaah.
- d. Hanya anggota Islam Jemaah yang masuk syurga, yang lain masuk neraka
- e. Orang di luar Islam Jemaah dianggap najis
- f. Amir mukminin boleh kahwin maksimal 4 orang (wakil amir maksimal 3 orang, amir daerah maksimal 2 orang)
- g. Mengadakan upacara/cara pernikahan sendiri (tidak melaporkan kepada Pejabat Agama Islam)
- h. Warga Islam Jemaah/Darul Hadith yang bukan amir, tidak diperkenankan poligami.¹³

Ketentuan dan ketetapan dalam ajaran yang dipahami oleh Darul Hadith kemudian menimbulkan keresahan dan keributan antara umat Islam di Indonesia. Oleh itu, untuk menjaga keamanan dan ketertiban umat Islam melalui enakmen Majelis Ulama Indonesia (MUI) Nombor: 089/DA/10/1971 tanggal 29 Oktober 1971 pertubuhan dan paham Darul Hadith/Islam Jemaah dilarang di seluruh Indonesia.

2.2.2 LEMKARI

Larangan paham Darul Hadith melalui enakmen oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Kejaksaan Agung (Mahkamah Rayuan) tidak serta merta menghentikan aktiviti dakwah darul Hadith daripada ummat Islam Indonesia melainkan masih ada yang mengekalkan paham Darul Hadith dalam kehidupan sehari-hari. Keadaan ini menyokong ditubuhkan pertubuhan Islam iaitu Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI). Pertubuhan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) ditubuhkan daripada bekas ahli-ahli Darul Hadith, iaitu; Drs. Nurhasyim, R. Eddi Masiadi, Drs. Bachroni Hartanto, Soetojo

¹³ LPPI, *op.cit.*, h.h. 9-10

Wirjoadmodjo, B.A., dan Wijono, B.A. Maksud utama penubuhan pertubuhan LEMKARI adalah menghimpun masyarakat Muslim Indonesia dalam satu pertubuhan keagamaan dan sosial kemasyarakatan. Secara rasmi sebagai pertubuhan sosial keagamaan pada 1 Januari 1972 dan dikukuh melalui Akta Notaris No. 1, tanggal 3 Januari 1972 secara rasmi LEMKARI ditubuhkan di Jawa Timur.¹⁴

Penubuhan LEMKARI amnya bertujuan mempertingkatkan kehidupan beragama serta partisipasi pembangunan masyarakat untuk mewujudkan suatu masyarakat yang adil dan makmur baik zahir mahupun bathin bagi seluruh rakyat Indonesia.¹⁵ Secara khasnya penubuhan pertubuhan LEMKARI adalah bertujuan meluruskan faham akidah bekas ahli-ahli Darul Hadith sebagai umat Islam yang dikehendaki oleh syariat Islam. Menurut erti kata LEMKARI berupaya melakukan pemurnian akidah diri kesan-kesan faham Darul Hadith yang disyaki bercanggah dengan ajaran Islam.¹⁶

Upaya LEMKARI dalam memperbetul akidah Islam daripada unsur-unsur Islam Jama'ah mengguna dua jenis pendidikan iaitu sistem sosiologi pendidikan (*sociological education*) dan partisipasi masyarakat (*sociological development*). Kedua pendekatan bermaksud memenuhi keperluan massa dalam pembangunan masyarakat.¹⁷ Tujuan LEMKARI daripada pendidikan keagamaan adalah:

1. Mengupayakan pertambahan pendidikan agama di pondok-pondok, masjid-masjid dan surau-surau dalam rangka mempertinggi akhlak agama serta mewujudkan toleransi beragama.
2. Menyelenggarakan pangajian-pengajian agama di mesjid-mesjid, surau-surau dan dalam lingkungan keluarga yang menghendaknya
3. Menyelenggarakan ceramah-ceramah keagamaan berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah
4. Mengupayakan penubuhan perpustakaan untuk mempertinggi mutu pengetahuan
5. Mendidik guru-guru agama dalam usaha memperluas pengajaran agama¹⁸

¹⁴ Mudimojo (1972), *Akta LEMKARI*, Surabaya, h. 10

¹⁵ Mudimojo, *Ibid.*, h.4

¹⁶ LPPJ, *Bahaya Islam Jamaah*, *op. cit.*, h. 68

¹⁷ Mudijomo, *op.cit.*, 4

¹⁸ *Ibid.*, h.5

Sedangkan fokus partisipasi masyarakat dalam pendidikan adalah:

1. Mengupayakan peningkatan pengetahuan umum bagi karyawan-karyawan
2. Menyelenggarakan pelajaran-pelajaran pengetahuan umum di pondok-pondok
3. Menyelenggarakan pelajaran-pelajaran kejuruan yang berhubungan dengan pembangunan masyarakat
4. Menyelenggarakan latihan-latihan kerja dalam bidang pembangunan masyarakat.
5. Mengusahakan unit-unit kerja dalam bidang-bidang kejuruan diantaranya; peternakan, pertanian dan perikanan¹⁹

Hal ini sebagaimana yang kenyataan perkara 6 dan 7 Akta penubuhan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) sebagai berikut:

Perkara 6: Lembaga Karyawan Islam bersifat unifikasi dari pondok-pondok mahupun satuan-satuan karyawan dalam meningkatkan pengetahuan agama

Perkara 7: Lembaga Karyawan Islam mempergunakan sistem pendidikan “*sosiological education*” dan partisipasi kemasyarakatan “*sosiological development*” dengan pengertian pendidikan dan partisipasi masyarakat diberikan untuk memenuhi hajat massa dalam pembangunan masyarakat.

Aktiviti memperbetul faham akidah Islam Darul Hadith tidak hanya dijalankan LEMKARI tetapi juga oleh pertubuhan yang sefaham dengan LEMKARI seperti; Yayasan Karyawan Indonesia (YAKARI) di Jawa Tengah, Lembaga Karyawan Dakwah Islam (LKDI) di Jawa Barat, Karyawan Dakwah Islam (KADIM) di Jakarta, dan Karyawan Tabligh Islam (KARTI) di Kalimantan Selatan.²⁰

Memperhatikan pelbagai pertubuhan sosial keagamaan yang mempunyai fokus dan tujuan yang sama untuk memperbetul akidah bekas ahli Darul Hadis menurut cadangan dan saran Haji Amir Murtanto Pengetua am Dewan Pusat Golongan Karya (DPP Golkar) untuk ditubuhkan satu pertubuhan sahaja. Oleh itu, tanggal 9-10 Februari 1975 diadakan mesyuarat dan reuni alumni Pondok Pesantren Burengan Banjarn

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, h. 4 Perkara 6; Lembaga Karyawan Islam ini bersifat unifikasi dari pondok-pondok mahupun satuan-satuan karyawan dalam mempertingkatkan pendidikan dan pengamalan.

Kediri. Berdasarkan hasil mesyuarat dan cadangan Haji Amir Murtanto serta kesepakatan peserta reuni dibuat satu pertubuhan Islam iaitu Lembaga Karyawan Islam yang disingkat menjadi LEMKARI.²¹

LEMKARI sebagai pertubuhan yang ditubuhkan oleh bekas ahli tidak sunyi dari sangkaan negatif. Oleh itu, untuk menghapus prasangka melalui Mesyuarat Agong LEMKARI menyatakan bahawa ditubuhkan LEMKARI tidak memiliki hubungkait antara Darul Hadith. LEMKARI ditubuhkan adalah untuk menyelamatkan akidah umat Islam seperti dinyatakan Enakmen LEMKARI No.199/F.I/IX/1979 sebagai berikut:

Pertama : LEMKARI bukan Islam Jemaah dan juga bukan Darul Hadith dan tidak mengajarkan ajaran Islam Jemaah/Darul Hadith.

Kedua : LEMKARI berkewajipan menampung anggota/warga bekas pengikut Islam Jemaah untuk diarahkan dan didasarkan keyakinan/pandangan agamanya sesuai dengan ajaran agama pada umumnya dan

Ketiga, :LEMKARI dengan tegas melarang semua anggota/warganya mengajarkan ajaran Islam Jemaah/Darul Hadith sesuai dengan Surat Pernyataan Nombor: 165/A.4/VI/1979 tanggal 20 Jun 1979²²

Merujuk kenyataan Enakmen No.199/F.1/IX/1979 memberi erti LEMKARI bersih dari faham dan akidah Islam Jamaah dan apabila didapati praktikal ahli-ahli LEMKARI yang masih mengamalkan ataupun mengajarkan kepada masyarakat bererti mereka terkeluar dari LEMKARI.

Melalui saluran politik pula LEMKARI semasa itu mengambil tindakan menyokong parti pemerintah iaitu Parti Golongan Karya, dengan menerbitkan surat sokongan kepada Dewan Pimpinan Pusat Golongan Karya (DPP GOLKAR) pada 20 Jun 1972. Dan sejak itu, LEMKARI menjadi bahagian daripada parti Golongan Karya (GOLKAR) dan menjadi pertubuhan rasmi diikuti oleh Muslim Indonesia terutamanya

²¹ Habib Setiawan, Robi Nurhadi dan Muhammad Muchson Anasy, *After New Paradigma*, op. cit., h.3

²² *Ibid.*, h. 72

masyarakat yang terlibat dengan parti Golongan Karya (GOLKAR). Sokongan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) dinyatakan dalam Enakmen No: 163/A-4/VI/1979. Dalam enakmen ini, Lembaga Karyawan Islam menyatakan bahawa LEMKARI sebagai lembaga dakwah dan pendidikan Islam sosial kemasyarakatan yang berkedudukan di Kediri (Direktorium Pusat) dengan seluruh perwakilan-perwakilan dan senat-senatnya di seluruh Indonesia menyatakan dengan tegas untuk bergabung dan mendukung parti Golongan Karya (GOLKAR).

Enakmen LEMKARI No: 163/A-4/VI/1979 dimaksud untuk memberi laluan dalam berdakwah yang meluas serta sokongan dalam menjalankan program pendidikan Islam kepada seluruh Muslim Indonesia amnya, dan kepada bekas ahli-ahli Islam Jamaah khususnya. Pernyataan Dewan Pimpinan Pusat LEMKARI mendapat sahutan yang baik, yang kemudian Dewan Pimpinan Pusat (DPP) Golongan Karya (GOLKAR) melalui pucuk pimpinan dengan diberi Surat Keputusan Bersama (SKB) iaitu SEKBERGOLKAR No: B-349/SBK/XII/1970 dan Enakmen Badan Pemenangan Pemilu Pilihan Raya Nombor: Kep 270/BAPILU/SBK/ 1971. Dalam surat tersebut dinyatakan bahawa Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) merupakan bahagian dari pertubuhan yang di bawah bimbingan partinya.

Kemudian Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) sebagai pertubuhan dakwah dan pendidikan semakin kukuh dengan diterbitkan surat dari Panglima Komando Keamanan dan Penertiban (Pangkopkamtib) iaitu No: TR 105/ KOPKAM/III/1971. Dimana dalam surat ini, Tentara Nasional Indonesia (TNI) menjadi pelindung dan pembimbing LEMKARI baik dalam berpertubuhan mahupun mengembangkan gerakan dakwah dan pendidikan. Keterlibatan Tentara Nasional dapat difahami kerana masa itu Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) mempunyai dwi fungsi iaitu sebagai kekuatan sosial politik, dan pertahanan keamanan.

Berbekal sokongan Parti Golongan Karya (GOLKAR) dan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) membuktikan bahawa LEMKARI tidak memiliki keterlibatan dengan Islam Jamaah. Kemudian LEMKARI dalam menjawab pandangan negatif masyarakat yakni bergabung institusi Majelis Dakwah Indonesia (MDI). Majelis Dakwah Indonesia (MDI) merupakan institusi program dakwah dibawah bimbingan parti GOLKAR yang bertujuan mempertingkat keimanan dan ketakwaan anggota GOLKAR khasnya dan muslim Indonesia amnya.

Aktiviti yang dilaksanakan LEMKARI merujuk daripada tujuan asasi LEMKARI yang meliputi bidang dakwah dan pendidikan serta sosial kemasyarakatan. Dalam bidang dakwah iaitu mengiriman mubaligh berdakwah kepelbagai wilayah dan daerah di seluruh Indonesia. Bidang pendidikan mengadakan pengajian-pengajian, kursus kadet-kadet mubaligh, membangun pondok pesantren antara lain di Jombang, Kertosono, Kediri dan Karawang. Sedang dalam kegiatan sosial kemasyarakatan seperti memberikan dan membahagikan zakat, bantuan bencana alam dan pelbagai kegiatan sosial lainnya seperti aktiviti kepemudaan dan wanita.²³

Pada konsep pendidikan Islam LEMKARI tidak mengikut cara khas, para guru dan pendidik daripada pelbagai pondok pesantren yang terkenal di Jawa seperti; pondok pesantren Tebu Ireng, pondok pesantren Lirboyo, pondok pesantren Gontor Ponorogo dan lain-lain. Pengajian al-Qur'an dan Hadith merupakan dua subjek pelajaran pokok. Setiap pelajar wajib belajar materi al-Qur'an dan Hadith. Pemahaman al-Qur'an dan hadith tertuju daripada erti dan maknanya, kerana yang diharap daripada pendidikan ini ialah memahmi ilmu agama dan mengamalkan ajaran agama itu tanpa banyak perkara yang dikenal dengan pengajian sistem *manqul*.

²³ Myianshari, dkk., Rahsia Dibalik Jubah LDII, *Majalah Amanah*, Nombor: 63 tahun 1988

Sejarah perkembangan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) setelah bergabung dengan pelbagai institusi seperti parti GOLKAR dan Tentara Nasional Indonesia (TNI) tidak bererti langsung menghapus pandangan negatif masyarakat terhadap LEMKARI kerana sebahagian umat Islam Indonesia masih yang mengatakan bahawa LEMKARI bercanggah dengan akidah Islam, sebagaimana hasil penyelidikan Lembaga Penyelidikan dan Penelitian Islam (LPPI) bahawa berubahnya nama Darul Hadith daripada Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) tidak mengubah faham, kerana masih ada praktikal faham Darul Hadith pada ahli-ahli Lembaga Karyawan Islam. Praktikal amalan Darul Hadith meliputi;

1. Tidak mengesahkan pengajian kecuali secara *manqul*
2. Tidak boleh beriman kepada orang di luar jemaah,
3. Tidak boleh berkahwin dengan orang di luar jemaah,
4. Hanya anggota Islam Jemaah yang diakui masuk syurga, sedangkan yang lain masuk neraka,
5. Orang di luar Jemaah dianggap najis
6. Amir boleh punya empat isteri (wakil amir tiga isteri, amir daerah dua isteri)
7. Mengadakan upacara pernikahan sendiri
8. Anggota Islam Jemaah Darul Hadith dilarang berpoligami
9. Wajib bersedekah 10% dari penghasilan²⁴

Menurut A. Hady, berubahnya nama menjadi LEMKARI adalah wajar apabila dirujuk daripada paham dan amalan Darul Hadis iaitu *faṭānah, biṭānah, budi luhur*²⁵ *Faṭānah* ertinya menguntungkan, maksudnya jemaah LEMKARI dalam perjuangan memberi untung dan tidak dirugikan bahkan ummat Islam merasa diuntungkan. *Biṭānah* bererti menyembunyikan sesuatu untuk keselamatan pertubuhan. Sedangkan *Budi Luhur* adalah budi pekerti yang baik. Maksud budi pekerti yang baik bahawa jemaah LEMKARI mewujudkan akhlak al-karimah dan selalu berusaha taat daripada peraturan-peraturan yang sah.²⁶ Jadi *faṭānah, biṭānah, budi luhur* dapat diertikan cara berjuang LEMKARI yang tidak melanggar ketentuan agama dengan menerapkan akhlak *al-*

²⁴ LPPI Bahaya Islam Jemaah, *op. cit.*,h. 60 Dalam Kriteria yang dikeluarkan oleh LPPI Islam Jemaah dianggap 30 doktrin bercanggah dengan ajaran Islam.

²⁵ A.Hady (1992), Dibalik Rahsia Jubah LDII, *Majalah Amanah*, No. 146 h. 10

²⁶ Haji Nanang H. Kaharuddin, Jejak LDII Berjuang dengan Fathonah dan Bithonah, *Radar Minggu*, Edisi XXXVII Ahad, 1 Februari 2004

Karimah, selalu taat peraturan dan undang-undang, tidak menyebabkan kerosakan sehingga masyarakat merasa diuntungkan.

Pertubuhan LEMKARI meski disyaki mengamalkan faham Darul Hadith sejak ditubuhkan sehingga akhir tahun 1989 tetap wujud ditengah pergumulan masyarakat Islam Indonesia. Walau bagaimanapun terdapat upaya untuk menghapus LEMKARI tetapi tidak serta merta boleh menghentikan aktiviti dakwah dan paham ajarannya. Wujud ini dapat dimaklumi kerana LEMKARI tergabung GOLKAR dan mendapat perlindungan Tentera Nasional Indonesia (TNI). Bahkan lebih lanjut gerakan dakwah LEMKARI mendapat dukungan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mengubah LEMKARI menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) dikarenakan adanya keserupaan akronim dengan institusi sukan Lembaga Karate Indonesia. Maka tepatnya pada tahun 1990 diubah menjadi LDII dan berakhirilah nama LEMKARI pada masa itu.

2.2.3 Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII)

Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan organisasi dakwah dan pendidikan yang awalnya dikenali dengan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI). Perubahan nama ini dimaksud untuk menghindari salah penyebutan, kerana terdapat dua pertubuhan yang mempunyai nama yang sama iaitu *pertama*, Lembaga Karyawan Indonesia (LEMKARI) dan *kedua*, institusi sukan nasional Lembaga Karatedo Indonesia (LEMKARI). Oleh itu, Naib Presiden Republik Indonesia masa itu, “Sudharmono” dan Menteri Dalam Negeri “Rudini” pada saat memberikan ucapan di Mesyuarat Besar IV LEMKARI di Asrama Haji Pondok Gede 19-20 November 1990. Oleh menteri Rudini dicadangkan untuk mengubah Lembaga Karyawan Indonesia yang dikenali dengan LEMKARI tersebut diubah menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII). Arahan dan cadangan kedua pejabat pemerintah serta pelbagai cadangan peserta

Mensyuarat Besar (MUBES) pada mesyuarat komisi-komisi mahupun mesyuarat am mengubah nama pertubuhan dari Lembaga Karyawan Indonesia (LEMKARI) menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) dengan enakmen MUBES IV LEMKARI No. VI/MUBES-IV/LEMKARI/1990

Perubahan nama ini memberi kesan yang amat besar bagi pertubuhan LDII dan alumni Pondok Pesantren LDII. Perubahan itu membawa LDII manfaat besar iaitu paham dan ajaran LDII tumbuh dan berkembang ke pelbagai negara seperti; Singapura, Malaysia, Saudi Arabia, Amerika, Australia dan Eropa. Perubahan nama oleh sebahagian pihak masih dianggap sebagai strategik LEMKARI menyembunyikan paham dan amalam yang bercanggah dengan akidah Islam amnya. Hartono Ahmad Djaiz menyatakan bahawa perubahan nama dimaksudkan untuk menghilangkan citra Darul Hadith/Islam Jemaah yang melekat pada LEMKARI.²⁷

Walau demikian perlu diakui, bahawa selari perubahan masa, LDII berterusan melakukan perubahan-perubahan dengan mengeluarkan konsep Paradigma Baru tahun 2005 pada Mensyuarat Nasional (MUNAS). Dalam konsep Paradigma Baru tersebut dinyatakan bahawa LDII secara mutlak tidak bergabung dengan golongan mahupun mana-mana parti politik. Menurut konsep ini juga diterjemahkan bahawa LDII sebagai pertubuhan terbuka bahagi pelbagai pihak.

Selanjutnya dalam merespon adanya pelbagai stigma negatif dan memperhatikan fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) dengan No. 03/KEP/KF-MUI/IX/2006 tanggal 04 September 2006 tentang Klarifikasi LDII, maka melalui Rapat Kerja Nasional (RAKERNAS) tahun 2007 menetapkan pernyataan Klarifikasi yang menegaskan bahawa LDII bersedia, bersama dengan pertubuhan sosial masyarakat (ormas) Islam lainnya, mengikut asas berfikir keagamaan yang ditetapkan MUI, yang meliputi;

²⁷ Hartono Ahmad Jaiz, *op.cit.h.* 13

- (a). penyamaan kaedah berfikir yang dinamakan *taswiyah al-manhaj* yang menghargai adanya perbezaan berfikir dalam *ma ana 'alaihi wa ashabihi* iaitu faham Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan
- (b). Penyamaan kaedah gerakan yang dinamakan *tansiq al-harakah* yang menyelaraskan, mengkoordinasikan dan mensinergikan gerakan umat Islam Indonesia di bawah MUI.²⁸

Menurut Ludy Cahyana, tak boleh dinafikan pertubuhan LDII asal mulanya adalah LEMKARI. Menurut Ludy Cahyana juga pendirian LDII didukung oleh aspek hak asasi manusia terutama mengenai hak keyakinan beragama, hak hidup, kebebasan dan mengejar kebahagiaan.²⁹ Selain aspek kesejarahan, hak asasi di sokong pula oleh firman Allah yang berhubung kait perintah syariat untuk mengajak umat manusia kepada agama Allah s.w.t. untuk mencegah perbuatan keji dan munkar dengan konsep-konsep Islam, sebagai berikut;

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Ertinya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Sūrah Yusuf (12):108

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Ertinya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah

²⁸ Lihat Keputusan Ijtima' Ulama Komisi Fatwa sa-Indonesia II Tahun 2006 di Pondok Modern Gontor, Ponorogo 26 Mei 2006/27 Rabi'ul tsani 1427 H

²⁹ Ludy Cahyana (2003), *Islam Jemaah Di Balik Pengadilan Media Massa; Suatu Analisis mengenai Pembunuhan Karakter Terhadap Lemkari/LDII*, Yogyakarta: Benang Merah, h. 49 Abdullah Alamudi (t.t.), Hak-Hak Asasi dalam: *Apakah Demokrasi itu?*, United State Information Agency, h. 6

dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik;.”

Sūrah An-Nahl (16): 125

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ertinya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Sūrah Ali ‘Imrān (3):104

قُلْ أَتَحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلِنَا أَعْمَلْنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ

Ertinya: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Patutkah kamu (hai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap Kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaanNya ? padahal Dia lah Tuhan Kami dan Tuhan kamu. bagi Kami (faedah) amal Kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhhlaskan), dan Kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadanya”

Sūrah al-Baqarah (2): 139

قُلْ يَتَقَوْمِ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَنْ تَكُونُ لَهُ عَنقِبَةُ الدَّارِ ۗ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

Ertinya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai kaumku (yang masih kafir), buatlah sedaya upaya kamu (untuk menentang Islam), Sesungguhnya Aku juga tetap beramal (berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam); kemudian kamu akan ketahuai siapakah yang akan beroleh kebaikan dan kejayaan di dunia ini. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan berjaya”.

Sūrah Al An’ām (6): 135

Pertubuhan LDII selain berasas syariat Islam disokong oleh kandungan visi Pembukaan Undang-Undang Dasar 1945, iaitu ikut serta melanjutkan perjuangan bagi mempertingkatkan kecerdasan dan kesejahteraan bangsa Indonesia dalam wawasan Negara Kesatuan Republik Indonesia.³⁰ Pernyataan ikut serta dalam perjuangan bangsa dimaklumkan dalam mukadimah Anggaran Dasar sebagai berikut:

Pertama, bahawa sebagai kelanjutan perjuangan bangsa Indonesia untuk mempertahankan dan mengisi kemerdekaan mencapai cita-cita sebagaimana tercantum dalam Pembukaan Undang-Undang Dasar 1945 iaitu melindungi segenap bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia, memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, dan ikut melaksanakan ketertiban dunia yang berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi, dan keadilan sosial, mutlak diperlukan keikutsertaan dan peran serta dari segenap lapisan masyarakat Indonesia

Kedua, bahawa cita-cita bangsa Indonesia dan upaya mencapai tujuan nasional hanya dapat wujud dan berterusan apabila seluruh komponen bangsa dan seluruh potensi yang ada, termasuk umat Islam berkewajipan sepenuhnya untuk bersama-sama membangun dan mewujudkan suatu masyarakat *madani* yang demokratis dan berkeadilan sosial, baik material mahupun spiritual berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945.³¹

Selain landasan hukum formal Negara Republik Indonesia bahawa kehadiran dan peran serta LDII adalah untuk melaksanakan ajaran agama sebagai rahmat seluruh alam (*rahmatan lil alamīn*) berasas Al-Qur'ān dan al-Hadith, melalui pelaksanaan ibadah individu dan sosial sebagai implementasi kedudukan insani terhadap *al-Khaliq*.

Implementasi hal tuju bidang kesalihan individual ialah pelaksanaan ibadah yang semata-mata kepada Allah S.W.T. sedang daripada kesalihan sosial ialah menjalankan tugas sebagai hamba Allah untuk memakmurkan bumi, dan membina komuniti madani atau yang dikenali dengan *civil society* yang kompetitif, guna mempertingkatkan kualiti peradaban, hidup, harkat dan martabat dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

³⁰ Sekretaris Negara (t.t.), *Undang-Undang Dasar 1945*, Jakarta: Sekretaris Negara, h. 3

³¹ Direktori, *op.cit.*, h. 1

Merujuk kesejarahan penumbuhan LDII adalah girah untuk menjalankan agama dari aspek ritual individu (kesalihan individual) dan aspek ritual sosial (kesalihan sosial), demikian sebagai warga negara keikutsertaan pula memajukan amanat perjuangan bangsa untuk ikut membangun masyarakat Indonesia dalam kerangka negara yang demokratik di atas nilai-nilai budaya bangsa tanpa meninggalkan nilai-nilai keagamaan.

Dalam skop nasional saat ini LDII telah menunjukkan kemajuan merata tempat di seluruh provinsi dan diikuti oleh pelbagai suku bangsa di Indonesia. Kemajuan pertumbuhan LDII terlihat pada peningkatnya jumlah keahlian, Pimpinan Cawangan (PC) dan Pimpinan Anak Cawangan (PAC) di wilayah-wilayah provinsi seluruh Indonesia. Jumlah perkembangan keahlian LDII sebagaimana dinyatakan pada Mensyuarat Kerja Kebangsaan I tahun 2000 dan Mensyuarat Kerja Kebangsaan 2007 sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2.1 Data Pentadbiran LDII Secara Nasional 2000

Tingkat Kepengurusan	Jumlah
DPD Provinsi	30 Provinsi (Negeri)
DPD Distrik	245 Kabupaten (Distric)
Pimpinan Cawangan	1.462 Kecamatan (Pemukiman)
Pimpinan Anak Cawangan	2.942 Desa/Kampung

Jadual 2.2 Data Pentadbiran LDII secara Nasional 2007

Tingkat Kepengurusan	Jumlah
DPD Provinsi	33 Provinsi (Negeri)
DPD Distric	302 Kabupaten (Distrik)
Pimpinan Cawangan	1.637 Kecamatan (Pemukiman)
Pimpinan Anak Cawangan	4.500 Desa/Kampung

Sumber: Laporan DPP LDII pada Rakernas 6-8 Maret 2007 di Jakarta

Berdasarkan jadual laporan tahun 2000 secara statistik kemajuan pertumbuhan LDII mengalami peningkatan antara 15-20% dari dua tahun sebelumnya pada Mesyuarat Agung (MUNAS V 1998) sebanyak 4.500, kenaikannya berkisar 50%³² Demikian juga hasil laporan pada Rapat Kerja Nasional 2007 ditunjukkan peningkatan yang signifikan pertambahan pentadbiran mahupun keahlian yang mencapai perangkaan 53%³³. Jumlah penambahan keahlian masyarakat dan jumlah pentadbiran sebagaimana laporan Rapat Kerja Nasional (RAKERNAS) ertinya LDII sebagai pertumbuhan sosial keagamaan telah mendapat sokongan baik dari masyarakat mahupun pemerintah Indonesia.

3.3 Asas, Maksud dan Tujuan

Merujuk Anggaran Dasar pada Bab II tentang asas, maksud dan tujuan bahawa pertumbuhan LDII berasas kepada Pancasila, sebagaimana dinyatakan perkara 4 Qanun Asasi: “Lembaga Dakwah Islam Indonesia berasaskan Pancasila”³⁴ Pancasila merupakan asas mutlak yang harus diterima sebagai falsafah dalam berkehidupan berbangsa dan bernegara sehingga setiap pertumbuhan yang ditubuhkan di Indonesia harus diasaskan kepada Pancasila. Oleh itu, LDII menetapkan Pancasila sebagai asas adalah hasil daripada Mesyuarat Besar (MUBES) III di Jakarta pada hari bulan 19-20 Nopember 1990. Selara dengan asas LDII maka maksud ditubuhkan LDII ialah sesuai perkara 5 (1) daripada Qanun asasi adalah “Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) bermaksud menghimpun seluruh potensi bangsa yang memiliki persamaan cita-cita, wawasan dan tujuan, sehingga memiliki visi dan persepsi dalam memadukan persatuan dan kesatuan bangsa di dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945”³⁵.

³² Nuansa Persada, 2003, h. 26

³³ Habib Setiawan, Robi Nurhadi dan Muhammad Muchson Anasy, *op.cit.*, h.167

³⁴ Dewan Pimpinan Pusat Lembaga Dakwah Islam Indonesia, *Direktori LDII*, (Jakarta: DPP LDII,2003), Cet. Ke-6, h. 32

³⁵ *Ibid.*

LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat berbangsa dan bernegara di atas nilai-nilai ajaran Islam. Tujuan LDII tersebut sebagaimana dinyatakan dalam Anggaran Dasar perkara 5(2) LDII bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara yang menjalankan nilai-nilai ajaran Islam, serta turut dalam pembangunan masyarakat Indonesia seutuhnya, yang dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa guna mewujudkan masyarakat madani yang demokratis dan berkeadilan sosial berdasarkan Pancasila, yang diredai Allah S.W.T³⁶

Sebagai panduan dalam mewujudkan tujuan dan melaksanakan program serta aktiviti, LDII merujuk daripada motto menegakkan kebenaran mengajak kepada hujah yang nyata (al-Qur’ān) dan menyeru menjadi Muslim yang lebih baik. Adapun motto yang menjadi asas ialah firman Allah S.W.T. sebagai berikut:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ertinya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”

Sūrah Ali ‘Imrān (3): 104

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Ertinya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata.

³⁶ *Ibid.*

dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu dang lain."

Sūrah Yusuf (12): 108

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِآيَاتِي هِيَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Ertinya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Sūrah al-Nahl (16):125

Menerusi ketentuan asas, maksud dan tujuan ditubuhkan LDII adalah untuk menghimpun masyarakat sebagai jalinan persatuan dan kesatuan, ukuwwah Islamiyah membangun masyarakat Indonesia seutuhnya yang dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa yang berkualiti dalam bingkai Negara Kesatuan Republik Indonesia berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945. Dan tercapainya tujuan dan maksud daripada LDII bahawa segala aktiviti yang dilaksanakan memperoleh rida Allah S.W.T.

2.4 Visi dan Misi LDII

Sebagai arah hal tuju, visi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) ialah menjadikan pertubuhan sebagai lembaga dakwah Islam yang profesional dan berwawasan luas, mampu membangun potensi insani dalam mewujudkan manusia Indonesia yang melaksanakan ibadah kepada Allah, menjalankan tugas sebagai hamba Allah untuk

memakmurkan bumi dan membangun masyarakat *madani*³⁷ yang kompetitif, berbasis kejujuran, amanah, hemah, dan kerja keras, rukun, kompak, dan dapat bekerjasama yang baik. Sedangkan untuk melaksanakan program aktiviti, misi yang dibawa LDII ialah pertubuhan LDII boleh memberikan manfaat nyata dalam pembangunan bangsa dan negara melalui dakwah, pengkajian, pemahaman dan penerapan ajaran Islam yang dilakukan secara menyeluruh, berterusan dan terintegrasi sesuai peran, posisi, tanggung jawab profesi sebagai bahagian bangsa dalam bingkai Negara Kesatuan Republik Indonesia.

LDII dalam mewujudkan misi, melalui Mesyuarat Agung, telah menetapkan beberapa strategik pencapaian tujuan, sebagai berikut:

1. Memperkuat dan memajukan fungsi internal dan eksternal perkumpulan termasuk membangun hubungan kerjasama dengan instansi/lembaga baik dalam mahupun luar negara.³⁸
2. Mempertingkatkan kualiti sumber tenaga manusia yang beriman, bertakwa dan berakhlak mulia dan meningkatkan kualiti sumber tenaga pembangunan yang memiliki etos kerja produktif dan profesional, yang memiliki kemampuan menerapkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berwawasan lingkungan dan berkemampuan dalam pentadbiran;
3. Memperkaya dan menggerak potensi sumber tenaga manusia yang memiliki keupayaan informasi, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta kemampuan untuk beramal soleh melakukan pengabdian masyarakat di bidang sosial budaya, ekonomi dan politik;
4. Menumbuh aktiviti usaha dan aktiviti keusahawanan dalam rangka memperbetul ekonomi umat sesuai tuntutan keperluan, baik pada sektor formal mahupun informal melalui usaha bersama dan usaha koperasi, serta bentuk badan usaha lain;

³⁷ Masyarakat *madani* memiliki banyak erti. Merujuk kepada Bahasa Inggris, dari kata *civil society* (masyarakat sipil) lawan daripada masyarakat militer. Menurut Blakeley dan Suggate (1997), digunakan untuk menjelaskan *the sphere of voluntary activity which takes place outside of government and the market*. Merujuk pada Bahmueller (1997), ada beberapa karakteristik masyarakat madani, diantaranya: 1. Terintegrasinya individu-individu dan kelompok-kelompok *eksklusif* ke dalam masyarakat melalui kontrak sosial dan aliansi sosial. 2. Menyebarnya kekuasaan sehingga kepentingan-kepentingan yang mendominasi dalam masyarakat dapat dikurangi oleh kekuatan-kekuatan alternatif. 3. Dilengkapinya program-program pembangunan yang didominasi oleh negara dengan program-program pembangunan yang berbasis masyarakat. 4. Terhubungnya kepentingan-kepentingan individu dan negara karena keanggotaan pertubuhan-pertubuhan volunter mampu memberikan masukan-masukan terhadap keputusan-keputusan pemerintah. 5. Tumbuh kembangnya kreativiti yang pada mulanya terhambat oleh rejim-rejim totaliter. 6. Meluasnya kesetiaan (*loyalti*) dan kepercayaan (*trust*) sehingga individu-individu mengakui keterkaitannya dengan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri. 7. Adanya pembebasan masyarakat melalui kegiatan lembaga-lembaga sosial dengan berbagai ragam perspektif. Lihat, Bahmueller, CF (1997), *The Role of Civil Society in the Promotion and Maintenance of Constitutional Liberal Democracy*, Blakeley, Roger dan Diana Suggate (1997), "Public Policy Development", dalam David Robinson, *Social Capital and Policy Development*, Victoria: Institute of Policy Studies, hal. 80 - 100.

³⁸ Gunawan Wibisono (2007), *Akta Pernyataan Keputusan Rapan Anggota Lembaga Dakwah Islam Indonesia*, Surabaya: Notaris dan PPAAT, h.8

5. Menyokong pembangunan masyarakat *madani* (*civil society*) yang kompetitif, dengan tetap memajukan sikap persaudaraan (*ukhuwwah*) sesama umat manusia, komuniti Muslim, serta bangsa dan negara, sikap kepekaan dan kesetiakawanan sosial, dan sikap terhadap peningkatan kesedaran hak dan kewajiban sebagai warga negara, serta membangun dan memperkuat karakter bangsa;
6. Mempertingkat perlindungan, penyedaran dan pemerdayaan masyarakat tentang pentingnya kewibawaan hukum, kewajiban asasi manusia (KAM), hak asasi manusia (HAM) dan tanggungjawab asasi manusia (TAM) serta mencegah terhadap ancaman kepentingan publik dan perosakan lingkungan³⁹

LDII sebagai sebuah pertubuhan sosial kemasyarakatan berfungsi sebagai institusi dakwah dan institusi pendidikan kemasyarakatan dalam erti luas dan terpadu, untuk mewujudkan kebahagiaan hidup yang berdasarkan keselarasan, keserasian dan keseimbangan dunia akhirat. Sesuai dengan sifat LDII merupakan wadah dan sarana bagi kaum Muslimin dan Muslimat serta *mubaligh* dan *mubalighah* di dalam mengkaji, melaksanakan dakwah dan mengabdikan segenap kemampuannya untuk kemaslahatan dan kemajuan umat Islam Indonesia khasnya serta umat manusia dan alam semesta pada amnya.⁴⁰

Merujuk daripada visi dan misi bahawa pertubuhan LDII berketetapan hati untuk mempertingkat kualiti sumber tenaga manusia baik intelektual, emosional dan spirituil bagi ahli LDII khasnya dan masyarakat Indonesia amnya. Pada bidang ekonomi berusaha menggerakkan keusahawanan baik dalam sektor formal dan informal melalui usaha bersama. Aspek pembangunan masyarakat mendorong terlaksananya masyarakat yang *madani* baik sebagai umat Islam mahupun sebagai warga Indonesia. Sedangkan dalam aspek hukum ikut sertanya dalam perlindungan hak asasi dan mencegah ancaman terhadap kepentingan individu mahupun publik.

³⁹ Hasil Musyuarat Agung LDII 2005

⁴⁰ Direktori, *op .cit.*, h. 33

2.5 Sifat, Fungsi dan Tugas

LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan secara nasional memiliki sifat yang selari dengan dinamika pembangunan bangsa Indonesia seperti; luas dan terpadu, bersifat dan independen, mandiri, terbuka, moderat, majemuk dan egaliter. Sifat pertubuhan ini dinyatakan dalam perkara 8 Akta LDII: “LDII merupakan perkumpulan sebagai tempat bahagi pendidikan dakwah keagamaan dan lembaga pendidikan kemasyarakatan dalam erti yang luas, terpadu independen, mandiri, terbuka, moderat, majemuk dan *egaliter* (kesetaraan) untuk mewujudkan kebahagiaan hidup yang berasarkan keselarasan, keserasian dan keseimbangan dunia dan akhirat”⁴¹.

Adapun fungsi LDII seperti pada perkara 9 Akta LDII adalah sebagai tempat berhimpun bagi kaum muslimin muslimat, mubaligh mubalighat, da’i dan da’iat dalam beramal salih melaksanakan ibadah mahdhah dan ghairu mahdhah dalam rangka mengabdikan dengan seluruh keupayaan untuk kemaslahatan dan kemajuan bangsa Indonesia khasnya serta seluruh umat Islam dan alam semesta pada amnya.⁴² Sedang tugas LDII disebut pada perkara 10 Akta LDII ialah perkumpulan yang bertugas melaksanakan dakwah Agama Islam dengan berpedoman pada kitab suci al-Qur’an dan Hadith dengan seluruh pengamalan dan penghayatan beragama supaya dapat memberi hikmah dan sokongan mewujudkan tujuan perkumpulan.⁴³

2.6 Pentadbiran Pertubuhan

Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) yang telah diikuti oleh masyarakat Muslim di Indonesia diperlukan pentadbiran yang sistematik sehingga dapat mewujudkan pelaksanaan program yang telah ditetapkan. Merujuk daripada Anggaran Dasar dan

⁴¹Gunawan, *op.cit.*, h.7

⁴²*Ibid.*, h.7

⁴³*Ibid.*, h.8

Anggaran Rumah Tangga (AD/ART), struktur pentadbiran dan kepemimpinan LDII mengikuti pelbagai peringkat-peringkat mulai dari peringkat terendah ialah Pimpinan Anak Cawangan (PAC), Dewan Pimpinan Cawangan (DPC), Dewan Pimpinan Daerah (DPD) Kabupaten/Kota, Dewan Pimpinan Daerah (DPD) Provinsi (Negeri) dan Dewan Pimpinan Pusat (DPP).

Mengikut struktur pertubuhan, ketua setiap peringkat LDII melakukan koordinasi baik bersifat vertikal dan horizontal. Secara vertikal bermula dari pemimpin Dewan Pimpinan Pusat (DPP) sehingga Pimpinan Anak Cawangan (PAC) atau sebaliknya. Manakala horizontal, adalah kerjasama internal di semua peringkat pimpinan, seperti; kerjasama antara departemen pada Dewan Pimpinan Pusat(DPP), biro-biro bagi Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Provinsi(Negeri), bahagian-bahagian bagi Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Kabupaten (distrik), seksi-seksi bagi Dewan Pimpinan Cawangan (DPC), dan urusan-urusan bagi Pimpinan Anak Cawangan (PAC) sesuai dengan keperluan. Selanjutnya dalam menyusun program dan aktiviti-aktiviti setiap peringkat pentadbiran diwajibkan dibentuk Dewan Penasihat yang bertujuan sebagai tempat meminta pertimbangan dan persetujuan terhadap program yang akan ditetapkan. Kedudukan penasihat ini sesuai perkara 18 Anggaran Rumah Tangga: “Dewan Penasihat merupakan suatu badan yang mempunyai tugas dan wewenang memberikan pertimbangan dan saran kepada dewan pimpinan sesuai dengan peringkatnya”.⁴⁴

Pemilihan pengerusi dewan penasihat mahupun dewan pimpinan dilakukan secara demokratis iaitu melalui mesyuarat dan lebih dahulu mengutamakan upaya musyawarah untuk muafakat dalam setiap pengambilan tindakan. Meskipun telah ditetapkan

⁴⁴ Direktory LDII, *op.cit.*, h. 53

demikian, bila dengan musyawarah muafakat tidak tercapai maka pengambilan tindakan dilakukan dengan pengambilan undi melalui suara terbanyak.⁴⁵

Menerusi perkara 16 Anggaran Dasar bahawa penetapan pengerusi Dewan Pimpinan Pusat dipilih dan ditetapkan oleh Mesyuarat Nasional (MUNAS), Dewan Pimpinan Daerah Provinsi dipilih oleh Mesyuarat Daerah Peringkat Provinsi (MUSDA PROV) dan disahkan oleh Dewan Pimpinan Pusat. Dewan Pimpinan Daerah Peringkat Wilayah dipilih oleh Mesyuarat Daerah Peringkat Wilayah (MUSDA KAB/KOTA) dan disahkan oleh Dewan Pimpinan Peringkat Provinsi. Selanjutnya untuk Dewan Pimpinan Cawangan dipilih oleh Mesyuarat Cawangan (MUSCAB) dan disahkan oleh Dewan Pimpinan Daerah Peringkat Wilayah dan Pimpinan Anak Cawangan dipilih oleh Mesyuarat Anak Cawangan (MUSACAB) dan disahkan oleh Pimpinan Daerah Peringkat Wilayah melalui Pimpinan Cawangan.⁴⁶ Anggota yang terpilih menjadi pimpinan dalam setiap peringkat memiliki masa jabatan selama 5 tahun periode kepengurusan berlaku.⁴⁷

Berdasarkan Anggaran Rumah Tangga (ART) perkara 6⁴⁸ ini untuk menjadi pimpinan LDII diharuskan sebagai anggota LDII, telah memenuhi syarat sebagai kadet pertubuhan, telah mengabdikan peran serta secara aktif dan pengabdiannya terhadap LDII sedikitnya 5 tahun bagi pengurus DPP dan DPD Peringkat I, selama 2 tahun berturut-turut bagi pengurus DPD Wilayah Pimpinan Cawangan dan Pimpinan Anak Cawangan, memiliki kemampuan, kesanggupan dan bersedia meluangkan waktu untuk bekerja secara aktif dalam tugas pertubuhan dan terpilih melalui mesyuarat pertubuhan.⁴⁹ Sebagai pelaksana tugas harian di semua peringkat pengurusan, terdapat Pengurus Harian yang berkewajipan melaksanakan tugas sehari-hari dan terdiri dari

⁴⁵ *Ibid.*, h. 42

⁴⁶ *Ibid.*, h. 41

⁴⁷ *Ibid.*, h. 41

⁴⁸ *Ibid.*, h.h. 49-50

⁴⁹ *Ibid.*, h.49

unsur ketua, setiausaha dan bendahari.⁵⁰ Jumlah pengerusi pada masing-masing departemen, biro-biro, bahagian-bahagian, seksi-seksi dan urusan-urusan ditentukan menurut keperluan. Namun untuk kepengurusan peringkat pusat dipimpin oleh seorang Setiausaha Jeneral. Di daerah-daerah dipimpin oleh setia usaha sesuai dengan peringkatannya.⁵¹

2.5.1 Dewan Pimpinan Pusat (DPP)

Dewan Pimpinan Pusat (DPP) LDII merupakan kepemimpinan dalam skop nasional yang berkedudukan di Jakarta. Dewan Pimpinan Pusat memiliki tugas dan kewajiban melaksanakan ketetapan hasil-hasil Mensyuarat Nasional (Agung) (MUNAS) LDII dari peringkat pusat sehingga peringkat pimpinan anak cawangan. Dewan Pimpinan Pusat (DPP) yang terpilih dipengerusikan oleh 15 orang yang terdiri dari; ketua am, naib ketua, setiausaha, wakil-wakil setiausaha, bendahari dan naib bendahari serta anggota.

Perlaksanaan tugas dan wewenang DPP dibantu oleh sepuluh departemen iaitu:

1. Departemen Pertubuhan Keahlian dan Kaderisasi;
2. Departemen Hubungan Antar Lembaga
3. Departemen Penerangan dan Media Massa
4. Departemen Agama dan Dakwah
5. Departemen Pendidikan Umum dan Pelatihan
6. Departemen Pemuda, Olahraga dan Seni Budaya
7. Departemen Koperasi, Keusahawanan dan Tenaga Kerja
8. Departemen Peranan Wanita dan Kesejahteraan Keluarga
9. Departemen Litbang, Iptek dan Lingkungan Hidup
10. Departemen Advokasi dan Bantuan Hukum⁵²

Sejak terjadi perubahan nama dari Lemkari menjadi LDII telah terjadi beberapa kali pertukaran Ketua Dewan Pimpinan Pusat LDII. Adapun ketua DPP LDII sebagaimana dalam jadual berikut:

⁵⁰ *Ibid.*, h. 54

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Direktori, *op.cit.*, h. 6

Jadual 2.3 Ketua Pentadbiran Dewan Pimpinan Pusat LDII 1972-2006

No	Nama	Masa Jabatan	Nama Pertubuhan	Keterangan
1	Drs. Nurhasyim	1972-1975	LEMKARI	
2	H.R. Eddy Masiadi	1975-1981	LEMKARI	
3	H.R. Eddy Masiadi	1981-1985	LEMKARI	
4.	Drs.H. Suarno	1985-1990	LEMKARI	Transisi LEMKARI ke LDII
5.	H. Hartono Slamet, B.A	1990-1998	LDII	
6	Prof. Dr. Ir. K.H. Abdullah Syam, M.Sc	1998- 2013	LDII	

Sumber : *Direktori DPD LDII*

Tugas Dewan Pimpinan Pusat menurut ketentuan perkara 19 Anggaran Rumah Tangga ialah: *pertama*, memimpin dan menyelenggarakan pertubuhan peringkat pusat serta bertanggungjawab daripada Mesyuarat Nasional (MUNAS), *kedua*, melakukan usaha pentadbiran pertubuhan sesuai dengan asas, sifat, fungsi dan daripada tujuan pertubuhan, *ketiga*, mengadakan bimbingan terhadap DPD peringkat provinsi di seluruh Indonesia, *keempat*, memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan nasional, *kelima*, merencanakan dan melaksanakan Mesyuarat Nasional serta melaksanakan keputusannya, *keenam*, mengesahkan pentadbiran peringkat provinsi, dan *ketujuh*, mengadakan komunikasi serta kerja sama dengan lembaga pemerintah, ABRI mahupun lembaga sosial masyarakat dan sosial keagamaan memenuhi peraturan undang-undang.⁵³ Sedangkan wewenang Dewan Pimpinan Pusat menurut perkara 24 Anggaran Rumah Tangga meliputi; *pertama*, mewakili pertubuhan keluar mahupun ke dalam, *kedua*, mengesahkan pentadbiran Dewan Pimpinan Daerah Provinsi, *ketiga*, memberikan bimbingan pertubuhan dan *keempat* ialah memberikan surat-surat penghargaan.⁵⁴

⁵³ *Ibid*, h. 55

⁵⁴ *Ibid*, h. 59

2.5.2 Dewan Pimpinan Daerah Peringkat Provinsi (Negeri)

Dewan Pimpinan Daerah (DPD) ialah pentadbiran pertubuhan LDII yang berkedudukan di peringkat Negeri (Provinsi-Indonesia). Merujuk perkara 10 Anggaran Rumah Tangga bahawa pentadbiran LDII pada Daerah Peringkat Negeri terdiri dari Dewan Penasihat dan Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Provinsi (Negeri).⁵⁵ Pentadbiran Dewan Pimpinan Daerah (DPD) provinsi mempunyai ketentuan sesuai dengan keperluan daerah sehingga boleh bertambah atau berkurang. Susunan pengurus Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Negeri sesuai perkara 13 Anggaran Rumah Tangga (ART) Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) ialah diketuai oleh seorang ketua, beberapa naib ketua, seorang setia usaha dan beberapa orang naib setia usaha, seorang bendahari serta biro-biro sesuai dengan keperluan.⁵⁶ Pentadbiran Dewan Pimpinan Daerah Peringkat Provinsi memiliki tugas; *pertama*, memimpin dan menyelenggarakan pertubuhan peringkat provinsi (Negeri), *kedua*, melaksanakan keputusan dan petunjuk Dewan Pimpinan Pusat (DPP) sesuai dengan Anggaran Dasar/Anggaran Rumah Tangga mengadakan bimbingan terhadap Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat wilayah, *keempat*, memelihara dan memperkukuh integriti serta kesatuan dan persatuan nasional, *kelima*, merencanakan dan melaksanakan Mensyuarat Daerah Peringkat Negeri, serta melaksanakan keputusan-keputusan dan *keenam*, mengadakan komunikasi serta kerjasama dengan lembaga Pemerintah peringkat kabupaten, Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) mahupun lembaga-lembaga dan pertubuhan yang telah memenuhi pensyaratan undang-undang.⁵⁷

Dewan Pimpinan Daerah sebagai pengerusi peringkat negeri memiliki wewenang dan tanggungjawab dalam perkara-perkara; *pertama*, mengesahkan pentadbiran di bawahnya, *kedua*, mewakili pertubuhan menurut peringkat di daerah masing-masing,

⁵⁵ *Ibid*, h. 52

⁵⁶ *Ibid*, h. 53

⁵⁷ *Ibid*, h.56

ketiga, memberikan bimbingan pertubuhan dan *keempat*, memberikan surat-surat tanda penghargaan.⁵⁸

2.5.3 Dewan Pimpinan Daerah Kabupaten (Wilayah)

Dewan Pimpinan Daerah (DPD) Kabupaten (Distrik) ialah pengerusi pertubuhan LDII di wilayah kabupaten/kota. Susunan struktur pengerusi DPD wilayah tidak berbeza dengan susunan Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Negeri. Pengerusi DPD kabupaten/kota terdiri dari Dewan Penasihat Peringkat Wilayah dan Dewan Pimpinan Peringkat (DPD) Wilayah. Dalam menetapkan komposisi dan pengerusi disesuaikan dengan keperluan Wilayah. Secara am dalam Anggaran Rumah Tangga (ART) pentadbiran pada peringkat Wilayah terdiri dari; seorang ketua, beberapa naib ketua, setia usaha, beberapa naib setia usaha, bendahari dan naib bendahari. Kemudian dibentuk pengerusi bahagian-bahagian menurut keperluan. Dalam menjalankan tugas keseharian dibentuk pengerusi harian yang terdiri dari Ketua, setiausaha dan bendahari. Ketiga pengurus merupakan kepengurusan kolektif.

Dewan Pimpinan Daerah peringkat kabupaten/kota mempunyai tugas dan kewajipan iaitu; *pertama*, memimpin dan menjalankan program pertubuhan peringkat kabupaten/kota, *kedua*, melaksanakan putusan dan petunjuk DPP, DPD peringkat Negeri sesuai dengan Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga (AD/ART), *ketiga*, melakukan pengendalian bimbingan terhadap pimpinan cawangan, pimpinan anak cawangan di daerahnya, *keempat*, memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan nasional, *kelima*, merencanakan dan melaksanakan mensyuarat peringkat wilayah, serta melaksanakan keputusan-keputusannya, *keenam*, mengesahkan pentadbiran peringkat pimpinan cawangan dan pimpinan anak cawangan dan *ketujuh*, mengadakan komunikasi serta kerjasama dengan lembaga pemerintah, ABRI mahupun

⁵⁸ *Ibid.* h.59

lembaga-lembaga dan pertubuhan-pertubuhan yang telah memenuhi persyaratan undang-undang.

2.5.4 Pimpinan Cawangan

Pimpinan Cawangan merupakan kepemimpinan LDII yang mengurusikan pada peringkat desa/kampung. Pentadbiran pada peringkat cawangan memiliki perbezaan dengan peringkat Dewan Pimpinan Pusat (DPP), Dewan Pimpinan Daerah (DPD) Peringkat Negeri atau DPD peringkat wilayah. Pengerusi pada peringkat terdiri dari; seorang ketua, beberapa naib ketua, setia usaha, seorang naib setia usaha, bendahari, seorang naib bendahari dan seksi-seksi.

Pengerusi cawangan merupakan pentadbiran yang berada peringkat kecamatan (pemukiman), ia mempunyai tugas; *pertama*, memimpin dan melaksanakan pertubuhan peringkat kecamatan, *kedua*, melaksanakan keputusan dan petunjuk dari DPP, DPD Peringkat Negeri, DPD Peringkat Wilayah sesuai dengan Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga (AD/ART), *ketiga*, melakukan pengawasan, bimbingan terhadap Pimpinan Anak Cawangan di wilayah masing-masing, *keempat*, merencanakan Mensyuarat Cawangan (MUSCAB), *kelima*, memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan, dan *keenam*, mengadakan komunikasi serta kerjasama dengan lembaga pemerintah, ABRI mahupun lembaga yang telah memenuhi persyaratan undang-undang.

2.5.5 Pimpinan Anak Cawangan (PAC)

Sistem pentadbiran pada peringkat Pimpinan Anak Cawangan (Cawangan) memiliki persamaan dengan peringkat pentadbiran Pimpinan Cawangan. Pentadbiran pada peringkat ini terdiri dari seorang ketua, beberapa naib ketua, seorang setia usaha, wakil

setia usaha, bendahari dan urusan-urusan sesuai dengan keperluan. Pemilihan pengurus pada peringkat ini dilakukan pada mensyuarat cawangan sesuai dengan masa jawatan yang ditetapkan dalam Anggaran Dasar/Anggaran Rumah Tangga serta peraturan masing-masing cawangan. Pada mensyuarat cawangan diikuti oleh utusan daripada pimpinan-pimpinan anak cawangan (PAC) yang dihadiri oleh pimpinan peringkat wilayah.

Pentadbiran peringkat anak cawangan meliputi; *pertama*, memimpin dan menyelenggarakan pertubuhan Peringkat Desa/Kampung, *kedua*, melaksanakan keputusan Dewan Pimpinan Pusat, Dewan Pimpinan Wilayah, Dewan Pimpinan Daerah, Pimpinan Cawangan sesuai dengan Anggaran Dasar/Anggaran Rumah Tangga, *ketiga*, memelihara komunikasi serta kerjasama dengan Jawatan Ketua Kampung setempat dan lembaga serta pertubuhan kemasyarakatan yang memenuhi pensyaratan undang-undang, *keempat*, memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan nasional dan *kelima* ialah merencanakan dan menyelenggarakan mensuarat anak cawangan.

Berdasarkan sistem pentadbiran dari peringkat Dewan Pimpinan Pusat sehingga peringkat Pimpinan Anak Cawangan terdapat fokus yang harus dilaksanakan oleh para pengurus LDII dan boleh dinyatakan sebagai tugas utama dalam pentadbiran ialah memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan nasional. Oleh itu untuk menjabarkan program LDII menjalin komunikasi dan kerjasama dengan pemerintah (Kerajaan) dan petugas keamanan negara ABRI yang terdiri dari Tentera Nasional Indonesia Darat, Laut dan Udara serta Kepolisian Negara harus di jalankan pada semua peringkat.

2.6 Sumber Kewangan

LDII merupakan pertubuhan kemasyarakatan yang bertumpu pada pendidikan dan dakwah Islamiyah. Berdasarkan misi pertubuhan LDII bertujuan mempertingkatkan kualiti kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara yang Islami serta turut serta dalam pembangunan masyarakat Indonesia seutuhnya. Oleh itu, untuk mewujudkan fokus tujuan dakwah dilakukan dalam pelbagai bidang baik keagamaan, pendidikan dan sosial kemasyarakatan. Kesemua aktiviti yang dilakukan bagi menjalankan program kerja LDII dari peringkat pusat sehingga peringkat pimpinan anak Cawangan diperlukan sumber kewangan yang kukuh. Secara garis besar sumber kewangan LDII adalah berasal dari sumbangan dari ahli LDII (swadaya), dan juga sumbangan pelbagai bentuk dari pemerintah, swasta dan perorangan. Merujuk daripada Anggaran Dasar (AD) perkara 23 dan perkara 35 Anggaran Rumah Tangga, pada perkara 23 disebutkan bahawa pembiayaan pertubuhan LDII diperoleh dari:

1. Modal pertama waktu mendirikan pertubuhan;
2. Wasiat-wasiat, sumbangan-sumbangan yang tidak mengikat dari masyarakat, pertubuhan sosial mahupun masyarakat;
3. Derma-derma yang sifatnya tetap/tidak tetap dan tidak mengikat
4. Dana-dana lain yang diperoleh dari usaha sambilan
5. Usaha-usaha lain yang sah dan diridhai Allah S.W.T.⁵⁹

Usaha-usaha lain pada perkara 23 dimaksudkan pelaksanaan program empat kejayaan dalam perkara 9(c) 2 dan 4 Anggaran Dasar. Pada perkara 9.c (2) dinyatakan bahawa sumber kewangan diperoleh dengan usaha menggerakkan potensi cendekiawan, profesional, pengusaha, wanita, generasi muda untuk pengabdian masyarakat di bidang kualiti sumber tenaga manusia, kesempatan bekerja, berusaha dalam bidang penerapan ilmu pengetahuan dan teknologi melestarikan lingkungan hidup serta pemerdayaan ekonomi umat.

⁵⁹ Lihat Direktori, *ibid.* h.43 dan h.65

Pada perkara 9c(4) adalah dengan memajukan kegiatan usaha dan kegiatan keusahawanan dalam rangka perbaikan ekonomi umat sesuai tuntutan keperluan, baik sektor formal mahupun melalui usaha bersama koperasi. Kegiatan keusahawanan telah dilakukan adalah koperasi terutama dalam penjualan hasil produk para ahli LDII seperti dalam bentuk kraf tangan dan hasil pertanian. Kedua koperasi yang berfungsi dalam penyediaan keperluan harian. Ketiga daripada koperasi dalam bentuk simpan pinjam. Serta usaha bersama dalam kegiatan jasa iaitu biro perjalanan umrah dan haji dan lainnya. Selain aktiviti keusahawanan koperasi dan usaha bersama, sumber kewangan juga diperoleh dari ungutan-pungutan seperti; zakat, infak, sedekah, wasiat dan hibah dari ahli LDII.

2.7 Program Kerja LDII

Merujuk daripada Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga (AD/ART) program kerja utama Lembaga Dakwah Islam Indonesia ialah menjalankan dan mengamalkan ajaran Islam sebagaimana dikehendaki oleh al-Qur'ān dan Hadith sehingga memberikan hikmat terhadap tujuan pertubuhan. Program LDII dinyatakan dalam perkara 8 Qanun Asasi, bahawa “LDII dengan berpedoman pada kitab suci Al-Qur'ān dan Sunah Rasul dengan seluruh aspek pengamalan dan penghayatan beragama agar boleh memberikan hikmat dan dorongan untuk mewujudkan tujuan pertubuhan.”⁶⁰

LDII dalam melaksanakan tugas utama dengan melalui “Catur Sukses” (Empat kejayaan)⁶¹ LDII. Adapun *sukses pertama* ialah meningkatkan pentadbiran pertubuhan. Pada aspek ini pertubuhan menyusun dan meningkatkan pentadbiran LDII sebagai

⁶⁰ *Ibid.*, h.h 33-34

⁶¹ Catur adalah bahasa Sanskerta yang bererti empat

pertubuhan sosial masyarakat pada aktiviti keagamaan dan pendidikan kemasyarakatan yang menyokong tercapainya tujuan nasional.⁶²

Pada bidang kejayaan ini Dewan Pimpinan Pusat (DPP) telah melaksanakan Rakernas (Rapat Kerja Nasional). Satu hasil Rakernas adalah pernyataan sikap DPP LDII yang memperteguh LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan yang sesuai dengan ketentuan Undang-undang Nombor 8 tahun 1985 dan Peraturan Pemerintah tentang Pelaksanaan Undang-Undang Nombor 8 Tahun 1985, serta Peraturan Menteri Dalam Negeri Nombor 5 tahun 1986 Tentang Ruang Lingkup, Tata Cara Pemberitahuan kepada Pemerintah serta Papan Nama dan Lambang Pertubuhan Kemasyarakatan yang secara hukum formal Lembaga Dakwah Islam tidak lagi menjadi persoalan. Pernyataan sikap tersebut antara lain:

1. Lembaga Dakwah Islam Indonesia, tetap konsisten dengan konsep Negara Kesatuan Republik Indonesia sehingga LDII dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara Kesatuan Republik Indonesia tetap berideologi Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945, serta akan terus meningkatkan ukhuwah Islamiah dan mengembangkan kerukunan antar umat beragama
2. Lembaga Dakwah Islam Indonesia, dalam kebijakan dan programnya menolak secara tegas terhadap pendapat dan tuduhan negatif yang ditujukan kepada LDII bahawa LDII masih meneruskan apalagi mengajarkan ajaran Islam Jemaah. Justeru LDII secara terus menerus membimbing dan meluruskan orang-orang yang masih mempunyai dan melaksanakan ajaran Islam Jemaah melalui dakwah yang menyejukkan. Dalam kegiatan ibadah, masjid-masjid LDII di seluruh tanah air terbuka untuk umum.
3. Lembaga Dakwah Islam Indonesia dalam bidang ekonomi ikut serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui jawatan kuasa ekonomi syariaah di samping menjalankan peran utama untuk melakukan dakwah dengan mengembangkan sikap jujur, amanah, kerja keras, dan pola hidup hemat, serta mengembangkan sikap rukun, kompak dan kerjasama yang baik.
4. Lembaga Dakwah Islam Indonesia, terus berusaha mengembangkan aktiviti pertubuhan secara terus menerus dan terbuka untuk melakukan kerjasama dengan institusi atau lembaga lain dalam rangka peningkatan Tri Kerukunan Umat beragama.⁶³

⁶² Direktori, *op.cit.*, h. 34

⁶³ Lembaga Dakwah Islam Indonesia, *Majalah Nuansa Persada*, Pernyataan Sikap Ketua Umum DPP LDII, edisi April 2007, Jakarta: LDII, h. 15

Pernyataan sikap DPP LDII tersebut, memiliki komitmen terhadap konsep negara Kesatuan Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan UUD 1945, membangun ukhuwah Islamiyah antar umat beragama. Sebagai azam semula jadi pertubuhan LDII, berkomitmen membina bekas-bekas anggota Islam Jemaah ke dalam ajaran Islam yang sebenar melalui dakwah yang menyejukkan. Lebih lanjut sebagai pertubuhan Islam LDII telah merubah paradigma pada visi dan misi sebagai pertubuhan yang terbuka untuk umat.

Sukses *kedua* adalah mempertingkat kualiti sumber tenaga manusia sebagai insan yang mengutamakan nilai-nilai antara lain; beriman dan bertakwa terhadap Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, mengamalkan ilmu dan ajaran agama, bersikap amanah, sedar akan harga diri dan bangsa, memiliki kesedaran berbangsa dan bernegara.⁶⁴ Mengupayakan kualiti sumber tenaga manusia sebagai sumber daya pembangunan yang memiliki etos kerja yang produktif, keterampilan, kreatif, disiplin, profesional, memiliki keupayaan dan mengembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berwawasan lingkungan dan berkemampuan pentadbiran.⁶⁵ Upaya mewujudkan kejayaan dalam mempertingkat nilai-nilai keimanan kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia dan mengamalkan ilmu dan ajaran agama di mulai dengan membangun kemudahan masjid dan musala sebagai tempat beribadah dan mengadakan taklimat-taklimat kepada para jemaah LDII. Hal ini sebagaimana hasil tinjauan didapatkan bila dalam satu kampung/desa ada anggota LDII mereka membangun masjid atau musala.⁶⁶

Dalam upaya meningkatkan sumber tenaga manusia LDII telah mendirikan pondok-pondok pesantren bagi mendidik putera-puteri anggota LDII. Selain pondok pesantren, dibina sekolah-sekolah umum yang dipadukan dengan pondok pesantren,

⁶⁴ Direktori, *op.cit.*, h. 35 Tri kerukunan beragama meliputi kerukunan interen agama, kerukunan antar agama dan agama dan kerukunan agama dengan kerajaan.

⁶⁵ *Ibid.*, 35

⁶⁶ Survey pada tanggal 15 Julai 2007.

satu di antaranya adalah Sekolah Menengah Atas (SMA) -- sekolah setingkat SPM di Malaysia-- Budi Utomo yang menjadi satu dengan pondok pesantren Gadingmangu, Jombang, Provinsi Jawa Timur.⁶⁷ Pada peringkat remaja pendidikan telah diarahkan pada kemampuan menguasai *qirā'at sab'ah*, pendidikan mubaligh dan mubaligh, kegiatan mengakap atau dalam LDII terkenal dengan Cinta Alam Indonesia (CAI) , kerja bakti dan kegiatan positif lainnya.⁶⁸

Sukses ketiga, adalah bidang pengupayaan potensi LDII. Pada aspek ini meliputi pengupayaan potensi LDII diarahkan untuk mewujudkan kebahagiaan hidup yang didasarkan atas keselarasan keserasian dan keseimbangan baik dalam hidup manusia sebagai peribadi dalam hubungan manusia dengan Tuhannya mahupun dalam mengejar kehidupan lahiriah dan kebahagiaan rohaniah.⁶⁹

Menurut Ludhy Cahyana cara yang ditempuh menggerakkan potensi cendekiawan, profesional praktis, pengusaha, wanita, generasi muda untuk melakukan pengabdian masyarakat di bidang peningkatan kualiti sumber tenaga manusia, kesempatan bekerja, berusaha dalam bidang penerapan ilmu pengetahuan dan teknologi melestarikan lingkungan hidup serta pemerikayaan ekonomi umat. Program mereka yang terkenal yakni Usaha Bersama (UB) semacam koperasi yang memenuhi kebutuhan pokok, perbengkelan, hingga perusahaan kontraktor.⁷⁰

Berupaya mengembangkan potensi dan mengguna pakai sumber tenaga secara bijaksana agar diperoleh nilai yang paling tinggi bagi mempertingkat kesejahteraan masyarakat. Turut serta mengupayakan perluasan lapangan kerja pada sektor pertanian, industri, jasa, serta peningkatan kesempatan kerja yang terbuka sesuai dengan

⁶⁷ Ludhy Cahyana, *op.cit.*, h.57 Pengembangan Pondok-pondok pesantren hampir merata di setiap DPD Provinsi seperti Sumatera Selatan, Lampung, Jawa Barat, Kalimantan Timur Jambi dan kota provinsi lainnya.

⁶⁸ Nurhamid Hadi Ketua DPD LDII Provinsi Jambi, *Temu bual*, tanggal 15 Julai 2007

⁶⁹ Direktori, *op.cit.*, h. 36

⁷⁰ Ludhy Cahyana, *op.cit.*, h. 58

kemampuan, keterampilan dan keahliannya. Menumbuhkan kegiatan usaha dan kegiatan usahawan dalam rangka pembenahan ekonomi umat sesuai tuntutan kebutuhan, baik sektor formal maupun informal melalui usaha bersama dan koperasi.⁷¹

Kejayaan keempat adalah bidang peran serta sosial dan kemasyarakatan adalah mengembangkan peran serta sosial dan kemasyarakatan menuju terwujudnya tujuan pertubuhan dengan mengembangkan sikap ukhuwah seperti; meningkatkan kerjasama dan persaudaraan di kalangan umat Islam, mengembangkan wawasan kebangsaan dan meningkatkan rasa bangga sebagai bangsa Indonesia, memiliki keperdulian yang mendalam terhadap perkara-perkara bangsa di dunia dalam rangka menempuh perdamaian abadi dan keadilan sosial. Berupaya meningkatkan kesadaran, kepekaan, dan kesetiakawanan sosial melalui kegiatan sosial dan peningkatan kesejahteraan yang dimaksudkan untuk memperkecil kesenjangan sosial. Turut serta mengupayakan terciptanya iklim yang berguna bagi proses demokratis, keterbukaan dan adanya pengakuan terhadap hak asasi manusia. Menyampaikan masukan dan cadangan yang bagi peningkatan kehidupan beragama yang harmonis pada lembaga yang berwenang, melaksanakan proses pembuatan undang-undang, dan turut serta mengupayakan peningkatan kesadaran bermasyarakat, berbangsa dan bernegara di lingkungan LDII.⁷²

Pelaksanaan daripada tujuan keempat kejayaan LDII telah menempatkan sebagai pertubuhan yang memfokuskan pada bidang pendidikan dan dakwah. Dalam melakukan tindakan dakwah, para mubaligh LDII dan seluruh warganya berpedoman kepada al-Qur'ān dan al-Hadith. Hal ini sebagaimana dikemukakan oleh R.Sunaryo, SH, MM:

Dalam melaksanakan dakwahnya Lembaga Dakwah Islam Indonesia berpedoman kepada kitab suci al-Qur'ān dan al-Hadith sunnah Rasul dengan segenap aspek pengalaman dan penghayatan beragama, yang dituangkan

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Direktori, *op.cit.*, h.h 36-37

dalam satu pokok fikiran berupa prinsip dakwah LDII yang dijadikan pedoman operasional bagi warga LDII, termasuk para mubalighnya.⁷³

Lebih lanjut dalam implementasi, sebagai penjabaran al-Qur'ān dan al-Hadith tersebut, LDII memiliki lima program yang harus selalu menjadi landasan gerak para mubaligh dan warganya. Lima program tersebut adalah; belajar, berkarya, berjuang, bersatu dan berdisiplin. Perubahan ini menandakan LDII berparadigma baru dan menjadi pertubuhan masyarakat Islam yang cukup besar.

2. 9 LDII Provinsi Jambi

2.9.1 Sejarah Perkembangannya

Menurut sejarah LDII masuk dan menyebar di Provinsi Jambi adalah sekitar tahun 1970-an. Menurut Manan, pertubuhan ini telah ada sejak akhir 70-an atau awal tahun 80-an.⁷⁴ Demikian juga diakui oleh Pimpinan Daerah Kota Jambi Nurhamid Hadi bahawa LDII mula bertapak di wilayah Jambi tahun 1970-an.⁷⁵ Namun secara nyata menjadi pertubuhan rasmi di Provinsi Jambi iaitu pada tahun 1977 dengan dibentuknya Dewan Pimpinan Daerah (DPD) LDII Negeri Jambi. Kewujudan LDII Provinsi Jambi tidak berbeza dengan induk pertubuhan yang berkedudukan LDII di Jakarta iaitu *metamorfosis* dari pertubuhan pertubuhan Lembaga Karyawan Indonesia, atau Lembaga Karyawan Dakwah Indonesia yang dikenali dengan nama LEMKARI.

Sejak mula didakwahkan kisaran tahun 1970-an hingga saat ini, persebaran LDII telah merata tempat di wilayah Provinsi Jambi iaitu; Kota Jambi, Kabupaten Batanghari, Kabupaten Muaro Jambi, Kabupaten Tanjung Jabung Barat, Kabupaten Tanjung Jabung Timur, Kabupaten Merangin, Kabupaten Sarolangun, dan Kabupaten Kerinci. Sehingga

⁷³ LDII, *Majalah, Nusa Persada*, Volume I No.04 edisi Juli-Agustus 2000

⁷⁴ Mahmud Manan (1980), *Pokok-Pokok Ajaran Islam Jemaah*, Jambi: Pusat Penelitian IAIN Sultan Taha Syaifuddin Jambi, h. 15

⁷⁵ Nurhamid Hadi, Ketua Dewan Pimpinan Daerah Provinsi Jambi dalam temubuat dengan penulis Kerinci 3 Julai 2007

kini LDII Propinsi Jambi telah memiliki sembilan Dewan Pimpinan Cawangan (DPC) dan 24 Pimpinan Anak Cawangan (PAC).

Jadual 2.4 Dewan Pimpinan Cawangan dan Pimpinan Anak Cawangan LDII Provinsi Jambi

No	Kabupaten/Kota	DPC	PAC
1	Kota Jambi	1	5
2	Muara Jambi	1	3
3	Batanghari	1	2
4	Tanjung Jabung Barat	1	4
5	Tanjung Jabung Timur	1	3
6	Sarolangun	1	2
7	Merangin	1	2
8	Kerinci	2	3

Sumber data: *Dewan Pimpinan Daerah LDII Provinsi Jambi 2007*

LDII di Propinsi Jambi dilakukan oleh para mubaligh dan warga LDII utamanya berasal dari Jawa yang telah memperoleh pendidikan di Pondok Pesantren Burengan Kendiri Jawa Timur.

Secara garis besar persebaran LDII di Provinsi Jambi dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor dalaman (*intern*) dan faktor luaran (*exstern*). Faktor dalaman (*intern*) penyebaran LDII sebagai berikut; *pertama*, LDII merupakan pertubuhan dakwah Islamiah yang bertujuan menyeru kepada seruan agama Islam yang menjadi tanggungjawab setiap individu untuk mendakwahkan ajaran Islam (*al-amr ma'ruf wa nahi wa al-munkar*); *kedua*, tujuan ditubuhkan pertubuhan LDII adalah untuk ikut serta dalam meningkatkan kualiti kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara; *ketiga*, dakwah Islamiah mudah dilakukan melalui pertubuhan yang resmi berbanding dakwah yang dilakukan secara individual; *keempat*, Melalui pertubuhan pelbagai program dalam dakwah Islam boleh dilakukan; *kelima*, mewujudkan ajaran Islam sesuai dengan al-Qur'ān dan Hadith Nabi s.a.w.⁷⁶

⁷⁶ Direktori LDII, *op.cit.*

Sedangkan faktor luaran (*exstern*) didakwahkan kefahaman LDII di Provinsi Jambi seperti; *pertama*, praktikal ajaran Islam yang bercampur unsur *tahayul*, *bidaah*, *syirik* dan *khurafat*; seperti bercampurnya ajaran Islam dengan tradisi animisme, ajaran agama Hindu dan Buddha; *kedua*, kewujudan perkara syirik kepada Allah S.W.T. yang dilakukan di tengah-tengah komuniti Muslim amnya dan Provinsi Jambi khususnya; *ketiga*, kegagalan dan belum sepenuhnya terwujudnya dakwah Islamiah yang telah dilakukan oleh pelbagai institusi agama membawa masyarakat kepada ajaran Islam yang sempurna.⁷⁷

Kembali kepada konteks penyebaran LDII, pada awal penyampaian dakwah faham LDII hampir memiliki kesamaan dengan dakwa-dakwah ormas Islami iaitu Muhammadiyah, mengalami hambatan dan tantangan oleh masyarakat. Kenyataan kerana visi dan misi pertubuhan belum sampai kepada masyarakat amnya sehingga timbul prasangka yang tidak benar.

Bagi LDII sendiri, kerana stigma dan stereotaip negatif yang telah terbangun oleh media masa, kesalahan memahami larangan dan pembekuan Islam Jamaah oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Kejaksaan Agung (Mahkamah Rayuan).⁷⁸ Pada sisi yang lain, dangkalnya kefahaman agama masyarakat terhadap pemahaman al-Qur'ān dan hadith diajarkan dan diamalkan oleh LDII.

Namun berkat kerja keras serta jihad para mubaligh LDII dalam mendakwahkan Islam dan menetapi al-Qur'ān dan Hadith Nabi s.a.w akhirnya diikuti sebahagian umat Islam Provinsi Jambi dari pelbagai kaum iaitu; Melayu Jambi, Minangkabau, Jawa, Bugis, Batak, Aceh dan lain-lain. Berdasarkan data statistik Pimpinan-pimpinan Daerah jumlah anggota LDII Provinsi Jambi saat ini ialah 10.245 yang terdiri dari 5.243 lelaki

⁷⁷ Amin Jamaludin, *op.cit.*, h. 111-113

⁷⁸ LPPI, *loc.cit.*,

dan 5002 perempuan. Adapun perician keahlian LDII di Provinsi Jambi sebagai berikut:

Jadual 2.4 Jumlah Keahlian Setiap Dewan Pimpinan Cabang

No	Dewan Pimpinan Cabang	Jumlah Keahlian		Keterangan
		Lelaki	Perempuan	
1	Kota Jambi	894	758	
2	Muara Jambi	507	578	
3	Batanghari	553	520	
4	Tanjung Jabung Barat	548	568	
5	Tanjung Jabung Timur	559	600	
6	Sarolangun	568	635	
7	Merangin	600	597	
8	Kerinci	1014	845	
Jumlah		5.243	5101	

Didokumentasikan dari hasil observasi

Berdasarkan jumlah keahlian tersebut, urutan pertama ialah Kabupaten Kerinci, kemudian Kota Jambi dan jumlah keahlian yang merata di enam kabupaten iaitu Muaro Jambi, Batahari, Tanjung Jabung Barat, Tanjung Jabung Timur, Sorolangun dan Merangin.

2.9.2 Pentadbiran Pertubuhan

Dewan Pimpinan Daerah LDII Provinsi Jambi merupakan Dewan Pimpinan Daerah Peringkat Provinsi yang memiliki tugas mentadbir kegiatan di Provinsi Jambi baik tugas dalaman mahupun mewakili atas lembaga pada peringkat Provinsi. Dalam menjalankan program kerja dan aktiviti pertubuhan DPD LDII Provinsi Jambi telah menetapkan program kerja dalam setiap masa kepemimpinan pertubuhan iaitu setiap lima tahun sekali. Asas aktiviti adalah tertakluk daripada Qanun Asasi LDII iaitu perkara 8 “Tugas dan kegiatannya adalah melaksanakan dakwah agama Islam dengan berpedoman

daripada kitab suci al-Qur'ān dan Sunah Rasul s.a.w dengan segenap aspek pengamalan dan penghayatannya beragama agar dapat memberikan hikmat.⁷⁹

Merujuk ayat 8 Anggaran Dasar, kegiatan utama DPD LDII Provinsi Jambi yang pertama adalah melakukan dakwah Islamiyah menetapi al-Qur'ān dan Sunah. Nurhamihadi menjelaskan bahawa tugas utama daripada LDII Provinsi Jambi menerusi program DPP LDII adalah menyelenggarakan pendidikan Islam dan dakwah Islamiah khasnya kepada anggota dan warga LDII serta masyarakat Muslim umumnya. Pendidikan Islam dilakukan melalui pengkajian al-Qur'an dan hadith di setiap Pimpinan baik Pimpinan Cawangan mahupun Pimpinan Anak Cawangan, dan melalui pendidikan Pondok Pesantren At-Taqwa Provinsi Jambi. Sedangkan dakwah dilakukan melalui pertemuan khusus dan perayaan hari-hari besar Islam.⁸⁰

Selain tugas utama berdakwah maka kewajipan DPD LDII Provinsi ialah seperti dikehendaki dalam perkara 19 Anggaran Rumah Tangga (ART); memimpin dan menyelenggarakan pertubuhan tingkat provinsi, melaksanakan keputusan Qanun Asasi, mengadakan bimbingan kepada DPD Peringkat Wilayah, memelihara dan memperkukuh integrasi serta kesatuan dan persatuan nasional, menyelenggarakan Musyuarat Daerah (MUSDA) dan melaksanakan hasil keputusannya, mengesahkan kepemimpinan di Wilayah dan mengadakan komunikasi serta kerja sama dengan institusi pemerintah, ABRI mahupun lembaga-lembaga dan pertubuhan yang telah memenuhi pensyaratan perundang-undangan.⁸¹

Selain tugas pokok DPD LDII Provinsi mempunyai tugas khusus iaitu melakukan pembinaan kepada DPD Wilayah seluruh Distrik dan kota yang berada di wilayah Provinsi Jambi. Upaya pembinaan dilakukan secara terprogram seperti; pembinaan

⁷⁹ Direktori LDII, *op.cit.*, h. 33

⁸⁰ Nurhamidi, Ketua DPD Tingkat I Provinsi Jambi, dalam temubual dengan penulis, Jambi, 5 Februari 2008

⁸¹ Direktori, *Ibid.*, h. 56

tenaga manusia, pembinaan kepemimpinan dan pembinaan dalam integrasi pertumbuhan mahupun di luar pertumbuhan.

Langkah nyata pada program pertumbuhan Dewan Pimpinan Daerah (DPD) LDII Provinsi Jambi telah melaksanakan Mesyuarat Daerah (MUSDA) dan menyusun pengurus Lembaga Dakwah Islam Indonesia masa 2006-2011 serta program kerja lima tahunan. Adapun pengurus DPD Provinsi Jambi sejak tahun 1977 sehingga 2008 sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2.5: Periode Pengurus Dewan Pimpinan Daerah (DPD) LDII Provinsi Jambi dari Tahun 1977-2009

No	Nama	Masa Jabatan	Keterangan
1.	Haji Ahmad Hayun	1977-1982	LEMKARI
2.	Haji Ahmad Hayun	1982-1987	LEMKARI
3.	Haji Ahmad Hayun	1987-1993	Transisi LEMKARI ke LDII
4.	Haji Ahmad Hayun	1993-1998	LDII
5.	Drs. Haji Paiman Suradi	1999-2004	LDII
6.	Drs. Haji Paiman Suradi	2004-2009	LDII

Sumber: DPD LDII Provinsi Jambi

Demikian juga untuk menggerakkan aktiviti pertumbuhan LDII di daerah-daerah dibentuk Dewan Pimpinan Daerah (DPD), Dewan Pimpinan Cawangan (DPC) dan pengurus ranting pada setiap kampung/desa di seluruh Provinsi Jambi. Saat ini DPD Kabupaten terdiri dari DPD Kota Jambi, DPD Kabupaten Muaro Jambi, DPD Kabupaten Sorolangun, DPD Kabupaten Merangin, DPD Kabupaten Tanjung Jabung Barat, DPD Tanjung Jabung Timur dan DPD Kabupaten Kerinci.⁸²

⁸² Nurhamid Hadi Ketua DPD Provinsi Jambi, dalam temubual dengan penulis, Jambi 15 Julai 2007

Selanjutnya sebagai bahagian dari warga masyarakat Provinsi Jambi DPP LDII peringkat telah melakukan komunikasi dengan berbagai-bagai lembaga dan institusi pemerintahan baik untuk konsultasi pertubuhan, MUI dalam menjelaskan kedudukan pertubuhan keislaman dan berbagai-bagai lembaga pemerintah lainnya.

2.9.3 Sumber Kewangan

Faktor kewangan dalam menjayakan aktiviti suatu pertubuhan merupakan faktor yang penting daripada program yang telah ditetapkan. Demikian pula bagi menjayakan Dewan Pimpinan Daerah (DPD) peringkat Provinsi Jambi. Sumber kewangan bagi DPD LDII peringkat Provinsi Jambi juga merujuk daripada Anggaran Dasar (Qanun Asasi) perkara 23 LDII bahawa kewangan Dewan Pimpinan Daerah diperoleh dari modal pertama pada waktu penubuhan; wasiat-wasiat, sumbangan-sumbangan yang tidak mengikat dari masyarakat, penubuhan sosial mahupun pemerintah; derma-derma yang sifatnya tetap/tidak tetap dan tidak mengikat; dana-dana lain yang diperoleh dari usaha dan usaha-usaha lain yang sah dan rida Allah S.W.T..⁸³

Berpandukan kepada ayat 23 Anggaran Dasar DPD Propinsi Jambi telah mengumpulkan kewangan dalam rangka membiayai segala aktiviti-aktiviti yang telah diprogramkan baik yang berhubung kait dengan pentadbiran pertubuhan mahupun kegiatan dakwah pertubuhan. Sehubungan dengan sumber kewangan dan kekayaan diperoleh daripada secara garis besar terbagi kepada;

2.9.3.1 Modal Pertama

Modal awal LDII dimaksudkan adalah biaya yang terkumpul pada saat penubuhan pertubuhan. Dana ini terkumpul dari cawangan-cawangan LDII baik dari peringkat Dewan Pimpinan Pusat, Dewan Pimpinan Daerah Provinsi, Dewan Pimpinan Daerah

⁸³ Direktori, *loc.cit.*

Wilayahmadya, Pimpinan Cawangan dan peringkat Pimpinan Anak Cawangan. Jumlah yuran sesuai dengan peraturan pertubuhan (PO) yang telah ditetapkan oleh Dewan Pimpinan Pusat LDII mahupun Pimpinan Daerah.

Sebagai modal awal juga termasuk sumbangan-sumbangan yang tidak mengikat dari masyarakat, pertubuhan sosial mahupun dari pemerintah. DPD LDII Provinsi Jambi juga mendapatkan penyumbang tetap yang memberikan bantuan kepada pertubuhan. Sumbangan itu diperoleh dari tokoh-tokoh korporat, pegawai kerajaan dan lainnya yang menyokong aktiviti pertubuhan LDII.

2.9.3.2 Wasiat, Hibah, Zakat, Infak dan Sedekah

Selanjutnya pembiayaan pertubuhan juga diperoleh daripada sumbangan wasiat-wasiat daripada ahli LDII yang telah meninggal dunia. Demikian pula didapatkan dari pengumpulan hibah, zakat, infak dan sedekah.

Khusus pengumpulan dengan jalan bagi infak dan sedekah di lingkungan DPD maupun DPD Wilayah LDII Provinsi Jambi mempunyai tradisi dikumpul selepas pengajian atau acara-acara peringatan hari besar Islam dengan cara melemparkan ke tempat yang telah ditentukan oleh pihak pengerusi. Tujuan ini adalah untuk menyembunyikan dari pandangan orang guna menghindar dari sifat riya

Pengumpulan dari dana zakat diperuntukkan bagi kegiatan sosial keagamaan baik dalaman mahupun aktiviti sosial luaran pertubuhan. Kegiatan pengumpulan zakat ada dua berbentuk iaitu zakat mal dan zakat fitrah. Bagi aktiviti dalaman pula ialah pembiayaan bantuan pendidikan putera-puteri ahli LDII yang kurang mampu, sumbangan bagi anak-anak yatim piatu, para usia lanjut yang tidak mempunyai pekerjaan. Sedangkan penggunaan pada kegiatan sosial luaran LDII seperti pemberian

bantuan bencana alam, dan kegiatan sosial yang menghendaki pengeluaran wang yang terkumpul daripada zakat, infak dan sedekah.

2.9.3.3 Usaha yang Sah.

Usaha yang sah ialah usaha yang dilakukan sesuai dengan undang-undang yang berlaku di Indonesia dan Peraturan Daerah (PERDA) Provinsi Jambi serta tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Selari perkembangan pertubuhan LDII dan memiliki kebolehan untuk ditingkatkan baik daripada dakwah Islam dan aspek perekonomian umat. Maka aktiviti perekonomian DPD LDII Provinsi telah menubuhkan unit usaha bersama seperti; koperasi, kedai jahit, kedai penyediaan sembilan bahan pokok, simpan pinjam dan usaha jasa umrah dan haji yang bukan sahaja melayani ahli LDII tetapi juga kepada masyarakat lainnya.

Kesemua jenis amal usaha yang dilakukan menjadi salah satu sumber kewangan bagi DPD peringkat Provinsi Jambi. Kegiatan keusahawanan di samping berfungsi sebagai sumber kewangan juga berfungsi sebagai jalan berdakwah bagi meningkatkan ahli LDII juga memantapkan ajaran Islam yang telah didakwahkan oleh mubaligh-mubaligh LDII.

2.10 Pendidikan Agama dan Dakwah

2.10.1 Pendidikan Formal

Pendidikan formal yang telah dibina oleh Dewan Pimpinan Daerah LDII Provinsi Jambi adalah Pondok Pesantren At-Taqwa. Orientasi pendidikan pada ‘Tri Sukses Pondok LDII yang mencakup *pertama*, kejayaan dalam bidang akhlak, alim, dan

terampil/mandiri. Dalam bidang akhlak, pondok ini berusaha untuk mencetak manusia yang ber *akhlak al-karimah*, mempunyai budi bahasa luhur, mempunyai tata karma dalam pergaulan masyarakat dan keluarga. *Kedua*, dalam bidang ilmu, pondok ini berusaha untuk mencetak manusia-manusia yang berilmu, mempunyai bekal ilmu agama Islam yang mantap serta mampu mengamalkan ilmu agama secara benar baik secara pribadi mahupun sebagai warga masyarakat. *Ketiga*, bidang keterampilan dan kemandirian, pondok ini bertekad untuk mencetak manusia mandiri. Oleh itu, kurikulum yang diterapkan menggabungkan antara ilmu-ilmu agama dan ilmu umum..⁸⁴

Proses pembelajaran dimulai seawal pukul 06.00. Setelah itu para pelajar kemudian istirahat. Pada umumnya mereka melakukan persiapan belajar dan ada juga yang mencuci pakaian. Mereka makan pagi mulai pukul 07.00. Pelajaran dimulai pukul 08.00 hingga pukul 09.30 sesuai dengan kelompok pembelajaran mereka masing-masing. Setelah istirahat selama setengah jam, mereka belajar lagi dari pukul 10.00 hingga pukul 11.00. Setelah itu mereka diberi kesempatan untuk istirahat hingga solat dhohor. Kegiatan selanjutnya adalah makan siang dan istirahat hingga pukul 14.00. Setelah itu mereka menerima pelajaran lagi hingga waktu solat asar sekitar pukul 15.00. Setelah solat mereka istirahat sambil memperdalam kitab secara sendirian ataupun dengan teman-teman kelompok ataupun sekedar membaca Al Qur'ān.

2.10.2 Pendidikan non formal

2.10.2.1 Pengajian Rutin

Pengajian Rutin merupakan program yang harus dilaksanakan oleh setiap warga LDII dalam menambah pengetahuan tentang keislaman dan meningkatkan amal ibadah. Pengajian rutin ini terbahagi dalam beberapa peringkat. Keamatan pengajian LDII lebih tinggi bila dibandingkan dengan pertubuhan Islam lainnya. Fokus pengajian

⁸⁴ Luluk Miftahudin, Setiausaha LDII Tk.1 Provinsi Jambi, dalam temubual dengan penulis, Jambi 25 Julai 2008

dilaksanakan pada Pimpinan Cawangan dan Pimpinan Anak Cawangan. Pada peringkat PAC pengajian dilakukan 2-3 kali dalam seminggu. Sedangkan pada peringkat Pimpinan Cawangan diadakan seminggu sekali.

Materi pengajian secara keseluruhan bersumber kepada al-Qur'an dan Hadith. LDII menggunakan semua kitab Hadith yang dikenal dengan “*kutub as-sittah*”, yang terdiri dari Hadith al-Bukharī, al-Muslim, Abu Dawūd, al-Tirmidzī, al-Nasa’i dan Ibn Majah. Dari kitab-kitab ini kemudian dijadikan subjek perbahasan seperti; *Kitāb al-‘Adilah*, *Kitāb al-Da’awāt*, *Kitāb al-Jannat wa al-Nār*, *Kitāb al-Nawāfil*, *Kitāb al-Jihād* dan beberapa subjek lainnya.

Selain pengajian rutin yang dilakukan oleh PC dan PAC, pengajian rutin itu pula dilakukan kepada para ibu-ibu dan remaja puteri, remaja putera dan pengajian *cabe rawit* (cili api). Pengajian rutin bahagi ibu-ibu dan remaja puteri dilaksanakan pada peringkat PAC satu kali seminggu. Demikian pula dengan pengajian para remaja. Sedangkan pengajian *cabe rawit* dilaksanakan 5 hari seminggu yang tergabung dalam Taman Pendidikan al-Qur’ān dan Taman Pengajian Seni Al-Qur’ān (TPQ/TPSQ). Pengajian pada TPQ/TPSQ ialah memfokuskan pada pelajaran membaca al-Qur’ān, Taranum al-Qur’ān, farḍu ‘ain dan akhlak. Aktiviti pendidikan agama bagi warga dan ahli LDII didorong oleh firman Allah S.W.T. dan Hadith s.a.w untuk mencari ilmu sebagai bekal untuk beramal dan bekal untuk kehidupan di akhirat iaitu:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Ertinya: “Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat.”

Sūrah al-Mujadilah (58): 11

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Ertinya: “Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

Sūrah al-Isra (17): 36

Jadi tujuan dari intensiti pengajian yang cukup tinggi bagi warga LDII adalah untuk membekali diri dalam mengamalkan ajaran Islam serta memelihara dari pengamalan ajaran agama yang tidak sesuai dengan syariat Islam.

2.10.2.2 Cinta Alam Indonesia (CAI)

Cinta Alam Indonesia (CAI) adalah aktiviti yang diperuntukkan bagi memperkasa ahli pemuda dan pemudi LDII. Program ini dilaksanakan setiap tahun sekali yang diikuti oleh utusan pemuda dan pemudi LDII seluruh Indonesia termasuk dari LDII Provinsi Jambi. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 1979. Namun saat ini kegiatan CAI juga dilaksanakan oleh Dewan Pimpinan Daerah masing-masing. Tujuannya ialah memanfaatkan cuti sekolah untuk menggali Ilmu agama lebih dalam lagi dan untuk meningkatkan kecerdasan spiritual.

Secara amnya aktiviti yang dilaksanakan daripada CAI meliputi; *Pertama*, Bimbingan terhadap pemahaman al-Qur’ān dan Hadith. *Kedua*, Bimbingan pertubuhan, *Ketiga* diskusi ilmiah, *Kempat*, sukan dan seni budaya, serta bakti sosial masyarakat. Namun setiap pelaksanaan CAI tema-tema disesuaikan dengan trend generasi muda. Seperti saat ini maka kegiatan lebih difokuskan pada kegiatan pencegahan generasi muda dari pengaruh dadah.

2.11 Aktiviti Sosial Masyarakat.

Sebagai pertubuhan keagamaan dan dakwah Islamiah LDII Provinsi Jambi memiliki aktiviti sosial kemasyarakatan merupakan bahagian yang tak terpisahkan dari tugas dan program kerja LDII. Dalam kegiatan sosial masyarakat setiap warga dan ahli LDII diwajibkan untuk ikut serta dengan masyarakat di mana sahaja berada. Aktiviti sosial kemasyarakatan bagi LDII merupakan asas daripada nadi kehidupan pertubuhan. Kerana manusia sebagai makhluk sosial dalam memenuhi keperluan hidup baik dalam dimensi ekonomi, politik, sosial dan ideologi memerlukan orang lain untuk memenuhi keperluannya.

Oleh itu, LDII dalam aktiviti sosial melakukan kerjasama dengan semua pihak. Program kerjasama LDII bila dikelompokkan daripada aktiviti dapat dibahagikan menjadi dua dimensi iaitu dalaman dan luaran perkumpulan LDII. Kerjasama pada dimensi dalaman pertubuhan LDII kerjasama terbahagi dalam bidang agama dan sosial. Pada bidang agama meliputi dakwah Islamiah, penyediaan masjid dan musala, tempat pendidikan, pelaksanaan ibadah haji, serta pelaksanaan hari-hari besar Islam. Sedangkan aspek sosial antar ahli LDII seperti; gotong-royong, sosial dalam musibah, dan kegiatan sosial lainnya.

Pada bidang dakwah Islamiah warga/ahli LDII memiliki kewajipan bekerjasama untuk sentiasa berdakwah dan membimbing kepada ahli LDII yang baru mahupun ahlinya sesuai dengan kemampuan tiap-tiap ahli LDII serta memperkukuh persatuan dan kesatuan antar ahli pertubuhan LDII. Di samping itu dalam anjuran dakwah untuk saling ingat mengingatkan antar satu dengan lainnya dalam menjalankan syariat agama Islam.

Selanjutnya kerjasama dalam penyediaan tempat ibadah seperti masjid, musala dan tempat pendidikan. Kerjasama di bidang ini mendapatkan tanggapan yang serius daripada para ahli LDII dengan berlomba untuk menyumbang sebanyak-banyaknya pada saat pengumpulan dana. Kerjasama dalaman bidang keagamaan dibentuk pula arisan ongkos ibadah haji iaitu pengumpulan ongkos yang diperuntukkan bagi ahli LDII untuk melaksanakan ibadah haji dengan jalan bergiliran selari dengan kesepakatan yang telah ditetapkan. Aspek ini didorong oleh faktor kefahaman keagamaan dan persamaan visi serta misi perkumpulan dalam peribadi para ahli LDII sehingga memberikan pengaruh dalam perilaku kehidupan sehari-hari. Kerjasama terlihat baik dalam aktiviti membangun penyediaan tempat ibadah seperti masjid dan musala yang dalam waktu tidak begitu lama dapat dibina dan selesai untuk dipergunakan sebagai tempat ibadah, sosial kematian dan berbagai kegiatan sosial lainnya

LDII sebagai pertubuhan bidang dakwah Islamiah dan sosial kemasyarakatan menjalin kerja sama dengan masyarakat amnya. Kerja sama dilakukan dalam aspek ibadah dan sosial. Dalam aspek ibadah LDII ikut serta dalam penyediaan tempat ibadah yang tidak hanya khas untuk warga LDII tetapi juga boleh diguna pakai oleh masyarakat amnya. Kemudian kerjasama dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan keagamaan menjalin dengan lembaga penyiaran seperti; TVRI Cawangan Provinsi Jambi dalam program dakwah Islamiah yang dilaksanakan setiap minggu. Demikian juga dalam menjamin ukhuwah Islamiah baik dalam interen pertubuhan, antara pertubuhan dan pertubuhan dengan pemerintahan bekerja sama dengan pemerintah baik pada tingkat provinsi dan kabupaten. Sedangkan dalam aspek sosial bekerja sama dengan masyarakat dalam berbagai-bagai aktiviti kampung seperti gotong-royong kebersihan kampung, keamanan dan aktiviti lainnya.